



Laporan
Tahunan

2005

ANNUAL REPORT

Kandungan *Contents*

JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA / <i>DEPARTMENT OF SURVEY AND MAPPING MALAYSIA</i>	Carta Organisasi / <i>Organisation Chart</i>	4	
	Organisasi / <i>Organisation</i>	5	
	Visi & Misi / <i>Vision & Mission</i>	6	
	Objektif & Fungsi / <i>Objectives & Functions</i>	7	
	Perutusan KPUP 2005 / <i>DGSM 2005 Message</i>	8	
	Profil Pengurusan Tertinggi / <i>Top Management Profile</i>	11	
	Fungsi Bahagian Kadaster & Pemetaan / <i>Function of the Cadastral & Mapping Division</i>	16	
	Kumpulan Pengurusan JUPEM / <i>JUPEM Management Group</i>	17	
	Anugerah / <i>Awards</i>	19	
	JUPEM 120 Tahun / <i>JUPEM 120 Years</i>	20	
	Ringkasan Kemajuan / <i>Summary of Progress</i>	22	
	23		
	PEJABAT KPUP / <i>OFFICE of DGSM</i>	Sumber Manusia / <i>Human Resources</i>	24
Kedudukan Perjawatan 2005 / <i>Status of Posts 2005</i>		25	
Pembangunan Kerjaya / <i>Career Development</i>		28	
Bajet / <i>Budget</i>		30	
Peruntukan Projek Pembangunan / <i>Development Projects Allocation</i>		32	
Aktiviti Kualiti / <i>Quality Activities</i>			
Amanat Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia / <i>Annual Message of Director-General of Survey and Mapping Malaysia</i>		34	
Persidangan Pengarah-Pengarah Ukur / <i>Directors of Survey Conference</i>		35	
Mesyuarat Pengurusan JUPEM / <i>JUPEM Management Meeting</i>		36	
Majlis Bersama Jabatan (MBJ) / <i>Joint Departmental Councils</i>		37	
Seminar/Ceramah / <i>Seminars/Talks</i>		38	
Sambutan Hari Kualiti / <i>Quality Day Celebration</i>		39	
Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Anugerah KPUP / <i>Excellent Service Awards and DGSM Awards</i>		40	
Anugerah Kualiti / <i>Quality Awards</i>		41	
Aktiviti Luar / <i>Extra Mural Activities</i>		42	
Hari Bertemu Pelanggan / <i>Open Day</i>		43	



JUPEM 120 Tahun

20



Aktiviti Luar

42

BAHAGIAN PEMETAAN / <i>MAPPING DIVISION</i>	44	Ukuran Sempadan Antarabangsa Malaysia-Thailand / <i>Malaysia-Thailand International Boundary Survey</i>	46
		Ukuran Sempadan Antarabangsa Malaysia-Indonesia / <i>Malaysia-Indonesia International Boundary Survey</i>	47
		Ukuran Sempadan Antara Negeri-Negeri / <i>State Boundary Survey</i>	49
		Sistem Penentuan kedudukan Sejagat / <i>Global Positioning System</i>	50
		Ukuran Titik Kawal & Cerapan Air Pasang Surut / <i>Control Point Survey & Tidal Observations</i>	51
		Pengukuran Aras / <i>Levelling</i>	53
		Pengukuran Graviti / <i>Gravity Survey</i>	54
		Astronomi / <i>Astronomy</i>	55
		Pencetakan Peta / <i>Map Production</i>	56
		Perpustakaan Peta Negara / <i>National Map Library</i>	59
		Stor Pusat Peta / <i>Central Map Store</i>	60
		Pusat Penyebaran Maklumat Geospasial / <i>Geospatial Information Dissemination Centre</i>	61



Stor Pusat Peta

60




Pangkalan Data Ukur Kadaster (PDUK)

81

BAHAGIAN KADASTER / <i>CADASTRAL DIVISION</i>	64	Kawal Selia Juruukur Tanah Berlesen (JUBL) / <i>Licensed Land Surveyors Inspectorate</i>	67
		Perundangan Kadaster / <i>Cadastral Legislation</i>	68
		JUPEM Negeri / <i>State JUPEM</i>	70
		Pengukuran Hakmilik Tanah / <i>Land Title Survey</i>	71
		Semakan Kerja Juruukur Tanah Berlesen (JUBL) / <i>Verification of Licensed Land Surveyors Jobs</i>	73
		Penyediaan Surat Hakmilik / <i>Preparation of Land Titles</i>	75
		Penyediaan Surat Hakmilik Strata / <i>Preparation of Strata Titles</i>	77
		Pangkalan Data Ukur Kadaster (PDUK) / <i>Cadastral Survey Data Base</i>	81
		Peristiwa 2005 / <i>2005 Events</i>	82

CARTA ORGANISASI

Organisation Structure



ORGANISASI

Organisation

Secara amnya, JUPEM adalah satu-satunya agensi kerajaan yang bertanggungjawab menjalankan aktiviti ukur kawalan mendatar dan menegak untuk kegunaan pihak awam dan juga swasta bagi tujuan pembangunan, keselamatan dan pertahanan negara. Jabatan ini bertanggungjawab untuk menjalankan kerja-kerja ukuran geodetik dan pemetaan topografi bagi seluruh Malaysia dan ukuran kadaster untuk negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) terletak di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) bersama beberapa buah agensi/jabatan yang lain. Operasinya diketuai oleh Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia yang juga bertindak selaku Pengarah Pemetaan Negara dan Pengarah Pemetaan Tentera.

Struktur organisasi JUPEM dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu Pejabat Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia, Bahagian Pemetaan dan Bahagian Kadaster. Pada dasarnya, struktur setiap bahagian tersebut terdiri daripada beberapa seksyen yang mempunyai fungsinya yang tersendiri. Fungsi bahagian-bahagian tersebut secara umumnya adalah seperti berikut:

Fungsi Pejabat Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia - Menggubal dasar Jabatan dan melaksanakan program penyelidikan, perancangan dan pembangunan di samping menyelaras khidmat sokongan dalam pengurusan, pentadbiran, perkhidmatan dan kewangan.

Fungsi Bahagian Pemetaan - Menggubal dan melaksana dasar pemetaan, perkhidmatan, penerbitan peta serta mewujudkan Pangkalan Data Topografi dan Kartografi Kebangsaan.

Fungsi Bahagian Kadaster - Menggubal dasar dan menyelaras aktiviti ukur kadaster selaras dengan keperluan serta mewujudkan Pangkalan Data Ukur Kadaster Kebangsaan.

Generally, JUPEM is the only government agency that is responsible to carry out horizontal and vertical control survey activities for use of the public and also private sectors for the purpose of development, security and national defence. This Department is responsible for carrying out geodetic surveys and topographical mapping works for the whole of Malaysia and cadastral surveys for all states in Peninsular Malaysia.

The Department of Survey and Mapping Malaysia (JUPEM) comes under the Ministry of Natural Resources and Environment (NRE) together with a number of other agencies/departments. Its operations is headed by the Director-General of Survey and Mapping Malaysia who also acts as Director of National Mapping and Director of Military Mapping.

JUPEM's organisation structure is divided into three divisions, that is, the Office of the Director-General of Survey and Mapping Malaysia, Mapping Division and Cadastral Division. Policy wise, the structure of each division consists of several sections with each one having its own functions. The functions of these divisions are generally as follows:

Functions of the Office of the Director-General of Survey and Mapping Malaysia - *To formulate the Department's policies and implement research, planning and development programmes besides coordinating support services in management, administration, services and finance.*

Functions of the Mapping Division - *To formulate and implement mapping policies, services, map publication as well as to create a National Topographic and Cartographic Data Base.*

Functions of the Cadastral Division - *To formulate policies and coordinate cadastral survey activities in concordance with the requirements as well as to create a National Cadastral Survey Data Base.*

Visi

Menjadikan JUPEM terbilang dalam Perkhidmatan Ukur dan Pemetaan serta pengurusan data geospasial bagi memenuhi wawasan negara.

Vision

To shape JUPEM into a distinguished entity in Survey and Mapping Services as well as in geospatial data management to fulfill the country's vision.



Misi

Menyediakan Perkhidmatan Ukur dan Pemetaan serta pengurusan data geospasial yang berkualiti melalui sistem terbaik, sumber manusia yang kompeten dan persekitaran kerja yang kondusif.

Mission

To provide Survey and Mapping Services as well as in managing quality geospatial data through the most excellent systems, competent human resources and with a conducive working environment.

Objektif

- Memastikan produk dan perkhidmatan ukur kadaster dan pemetaan menepati sistem kualiti serta memenuhi keperluan pelanggan;
- Memastikan pewujudan dan penyelenggaraan Pangkalan Data Ukur Kadaster dan Pemetaan yang kemas kini dan berkualiti bagi memenuhi keperluan infrastruktur data geospasial negara;
- Menjadikan JUPEM pusat kecemerlangan dan rujukan dalam bidang ukur kadaster dan pemetaan; dan
- Memastikan penentuan, penandaan dan pengukuran sempadan negeri dan antarabangsa memenuhi keperluan pentadbiran negeri serta menjamin kedaulatan negara.

Fungsi

- Menasihati kerajaan dalam bidang ukur kadaster dan pemetaan serta persempadanan negeri dan antarabangsa;
- Menyediakan maklumat ukur kadaster secara lengkap dan kekal untuk tujuan pengeluaran hak milik tanah strata dan stratum;
- Menguruskan pangkalan data ukur kadaster dan pemetaan dengan efisien;
- Menerbitkan peta-peta topografi, kadaster, tematik dan utiliti untuk tujuan perancangan, pengurusan sumber asli, pemuliharaan alam sekitar, pembangunan, pemantauan dan keselamatan;
- Menentu, menanda, mengukur dan menyenggara sempadan- sempadan negeri dan antarabangsa demi menjaga kedaulatan negara; dan
- Menyediakan infrastruktur geodetik bagi ukuran kadaster, pemetaan, kejuruteraan dan kajian saintifik.

Objective

- *To ensure that cadastral survey and mapping products and services conform to quality systems as well as fulfilling the customers needs;*
- *To ensure the creation and maintenance of Cadastral Survey and Mapping Data Bases that is up-to-date and of quality so as to fulfill the requirements of the national geospatial data Infrastructure;*
- *To make JUPEM into a centre of excellence and reference in the field of cadastral and mapping surveys; and*
- *To ensure the determination, demarcation and survey of state and international boundaries fulfill the requirements of the state administration as well as guarantee the sovereignty of the nation.*

Function

- *To advise the government in the field of cadastral and mapping surveys as well as on international and state boundaries;*
- *To provide cadastral survey information that is complete and permanent for the purposes of production of land, strata and stratum titles;*
- *To manage the cadastral survey and mapping data bases efficiently;*
- *To publish topographical, cadastral, thematic and utility maps for the purpose of planning, management of natural resources, rehabilitation of environment, development, monitoring and security;*
- *To determine, demarcate, survey and maintain the state and international boundaries in the interest of safeguarding the nation's sovereignty; and*
- *To provide geodetic infrastructure for cadastral, mapping, engineering surveys and scientific studies.*

PERUTUSAN 2005

2005 Message



PERUTUSAN KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA

Director - General of Survey and Mapping Malaysia's Message

Berbekalkan pengalaman dan kekuatan selama 120 tahun, JUPEM senantiasa mengemaskinikan semua perancangan dan hala tuju agar segala produk dan perkhidmatannya akan diterjemahkan melalui satu pelaksanaan yang teratur dan tersusun demi suatu matlamat agar para pelanggan JUPEM menikmati perkhidmatan serta produk yang berkualiti.

JUPEM juga telah melaksanakan usaha-usaha pembaharuan dengan penuh komitmen bagi mencapai hasratnya melalui program-program dan aktiviti-aktiviti sepanjang 2005. Saya begitu yakin bahawa setiap bahagian di JUPEM telah dapat melaksanakan program dan aktiviti masing-masing sebagaimana yang telah dirancang. Namun begitu kita haruslah tidak mudah berpuas hati di atas kecemerlangan ini sebaliknya kita haruslah berusaha mencari serta memperbaiki setiap ruang-ruang kelemahan yang ditemui.

Pembangunan modal insan adalah suatu amalan yang senantiasa diambil berat dan ditingkatkan seiring dengan pembangunan fizikal di JUPEM. Ini adalah kerana dalam organisasi kerja, peningkatan dan pembaharuan teknologi serta penambahbaikan prosedur kerja sekaligus akan meningkatkan produktiviti tidak akan tercapai tanpa kita sentiasa memberikan nafas baru dalam memotivasikan diri beserta dengan anjakan paradigma yang positif. Justeru itu, pembinaan imej pekerja yang cemerlang dapat ditingkatkan melalui pembelajaran yang berterusan, memupuk dan meningkatkan integriti serta kita haruslah sedar bahawa jawatan yang kita sandang adalah merupakan satu tanggungjawab yang perlu ditunaikan secara penuh kejujuran intelektual dan bukan untuk kemuliaan semata-mata.

Equipped with 120 years of experience and strength, JUPEM incessantly updates all its planning and directions in order that all its products and services will be translated through an orderly and systematic implementation with the aim that all of JUPEM's customers will enjoy quality products as well as services.

JUPEM have also implemented diligent changes with full commitment to achieve its ambition via programmes and activities throughout 2005. I am full of confidence that each division in JUPEM has managed to implement its programmes and activities as planned. Nevertheless, we should not be too easily satisfied with this excellence on the other hand we should make more effort to seek out as well as to improve each and every weakness found.

The development of the human capital is a practice that has always been taken seriously and is upgraded to be on par with physical development in JUPEM. This is because in any work organisation, improvements and changes in technology as well as additional improvements in work procedures at once will upgrade productivity which cannot be achieved without ourselves always injecting new ideas in motivating the self together with a positive paradigm shift. Following that, building the image of an excellent worker can be improved through continuous learning, instilling and improving integrity as well as we must realise that the post we are holding represents a responsibility that should be carried out with full intellectual honesty and not solely for pride.

Adalah menjadi kedukaan kepada seluruh warga JUPEM apabila kita dikejutkan dengan satu tragedi pada 24 Julai 2005, di mana satu nahas udara berlaku kepada satu pasukan ukur sempadan antarabangsa Malaysia-Indonesia di Sarawak, yang mana telah mengorbankan 3 orang termasuk seorang kakitangan JUPEM, manakala seorang lagi kakitangan JUPEM terselamat dalam tragedi itu. Sungguhpun demikian, tragedi malang ini tidak akan menggugat komitmen kita untuk menjaga kedaulatan sempadan negara yang tercinta ini.

Jalan ke arah kecemerlangan tidak dapat dicapai bersendirian. Apa yang dicapai adalah hasil sokongan dan semangat berpasukan dari semua pihak yang terlibat. Rancangan masa depan adalah ibarat menghasilkan selembur peta yang memerlukan komitmen serta usaha yang berterusan dari seluruh warga JUPEM.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi di atas limpah kurniaNya dan merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih atas segala sokongan padu, kesetiaan, kecekalan dan jati diri yang tinggi yang diperlihatkan oleh warga JUPEM demi memartabatkan kedaulatan negara.



(DATO' HAMID BIN ALI)

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia

*Director - General of Survey and Mapping
Malaysia*

“Jalan ke arah kecemerlangan tidak dapat dicapai bersendirian. Apa yang dicapai adalah hasil sokongan dan semangat berpasukan dari semua pihak yang terlibat”

There was cause for much grief in all of JUPEM's personnel when we were jolted with a tragedy on 24th July 2005, when an air calamity occurred to a Malaysia-Indonesia international boundary survey team in Sarawak, whereby three lives were sacrificed, including a JUPEM staff, whereas one more JUPEM staff survived the tragedy. Although as such, this unfortunate tragedy will not affect our commitment to protect the sovereignty of our beloved nation's boundary.

The road to excellence cannot be achieved individually. What have been achieved is a result of support and team spirit from all parties involved. Future plans are like producing a map sheet that requires commitment as well as continuous effort from all of JUPEM's personnel.

I take this opportunity to wish "syukur ke hadrat Ilahi di atas limpah kurniaNya" and record the utmost congratulations and thanks for all the solid support, loyalty, determination and the high self esteem as displayed by JUPEM's personnel in the interest of upholding the nation's sovereignty.

PROFIL PENGURUSAN TERTINGGI

Top Management Profile



DATO' HAMID BIN ALI

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia
*Director - General,
Department of Survey and Mapping Malaysia*

DR. ABDUL KADIR BIN TAIB

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia
*Deputy Director - General,
Department of Survey and Mapping Malaysia*



ENCIK AHMAD FAUZI BIN NORDIN

Pengarah Ukur Bahagian (Pemetaan)
Divisional Director of Survey (Mapping)



**TUAN HAJI MUHAMED KAMIL BIN
MAT DAUD**

Pengarah Ukur Bahagian (Kadaster)
Divisional Director of Survey (Cadastral)



KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA

Director - General, Department of Survey and Mapping Malaysia



DATO' HAMID BIN ALI, DIMP, KMN, PMC, PJC.

Y.Bhg. Dato' Hamid bin Ali berusia 55 tahun berkelulusan B. Sc. (Surv) (Hons) (CNAA) London dan Diploma Ukur Tanah daripada Maktab Teknik Kuala Lumpur dilantik sebagai Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia pada 17 Mei 2000. Pernah bertugas sebagai Juruukur Daerah Kelantan Barat, Timbalan Pengarah Ukur Terengganu, Timbalan Pengarah Ukur Kelantan, Timbalan Pengarah Ukur (Unit Khas) Kelantan, Timbalan Pengarah Ukur (Unit Khas) Pahang, Pengarah Ukur Pulau Pinang, N. Sembilan, Terengganu dan Pahang. Pada 3 Januari 1995 beliau dilantik sebagai Pengarah Ukur Bahagian (Penyelarasan Kadaster) seterusnya Timbalan Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia sehingga 16 Mei 2000. Beliau juga adalah Pengerusi Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia, Presiden Pertubuhan Juruukur Malaysia, Fellow Pertubuhan Juruukur Malaysia dan seorang Juruukur Tanah Bertauliah.

Y.Bhg. Dato' Hamid bin Ali, 55 years holds a B.Sc. (Surv) (Hons) (CNAA) from London and a Diploma in Land Surveying from Technical College, Kuala Lumpur. He assumed the position of Director General of Survey and Mapping Malaysia on 17th May 2000. He began his career as a District Surveyor in West Kelantan. He later assumed the position of Deputy Director of Survey in various states namely Terengganu, Pahang and Kelantan (Task Force). He was promoted to the Director of Survey and held the posts in Penang, Negeri Sembilan, Terengganu and Pahang. Later on 3rd January 1995, he was appointed a Divisional Director of Survey (Cadastral Coordination) and subsequently the post of Deputy Director - General of Survey and Mapping Malaysia until 16th May 2000. He is also the Chairman of the Land Surveyors Board of Peninsular Malaysia, President of the Institute of Surveyors Malaysia. Besides, he is a Fellow of the Institute of Surveyors Malaysia and a Registered Land Surveyor.

TIMBALAN KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA
Deputy Director - General of Survey and Mapping Malaysia

DR. ABDUL KADIR BIN TAIB, SDK, KMN



Dr. Abdul Kadir bin Taib, berusia 52 tahun memegang Ijazah Doktor Falsafah dari Universiti New South Wales Australia, Masters Sains Fotogrammetri, Diploma Fotogrammetri ITC Netherlands, Ijazah Sarjana Muda Ukur (Tanah) dari Universiti Teknologi Malaysia dilantik sebagai Pengarah Ukur Bahagian (Pemetaan) pada 2 September 2002. Pernah bertugas sebagai Jurutera Fotogrammetri, Penolong Pengarah Ukur Topografi (Geodesi), Penolong Pengarah Ukur Topografi (Fotogrammetri), Timbalan Pengarah Ukur Johor, Penolong Pengarah Ukur Bahagian Pemetaan, Ketua Penolong Pengarah Ukur (Ehwal Persempadanan), Pengarah Ukur Bahagian (Pengeluaran Pemetaan) dan Pengarah Ukur Bahagian (Pengurusan dan Pembangunan). Beliau juga adalah Pengerusi Bahagian Ukur Tanah Pertubuhan Juruukur Malaysia, Fellow Pertubuhan Juruukur Malaysia dan seorang Juruukur Tanah Bertauliah.

Dr. Abdul Kadir bin Taib, 52 years holds a Doctorate in Philosophy from University of New South Wales Australia, a Masters of Science in Photogrammetry from ITC Netherlands, Post-Graduate Advance Diploma in Photogrammetry from ITC Netherlands, Bachelor of Science in Survey (Land) from University of Technology Malaysia. He assumed the post of Divisional Director Of Survey (Mapping) on 2nd September 2002. He began his career as a Photogrammetry Engineer and moved up to become Assistant Director of Topography Survey (Geodesy) and Topography (Photogrammetry). He later became the Deputy Director of Survey Johor, Principal Assistant Director of Survey (Boundary Affairs), Divisional Director of Survey (Map Production) and Divisional Director of Survey (Management and Development). He is also the Chairman of the Land Surveying Division of the Institute of Surveyors Malaysia. Besides, he is a Fellow of the Institute of Surveyors Malaysia and a Registered Land Surveyor.

PENGARAH UKUR BAHAGIAN (PEMETAAN)
Divisional Director of Survey (Mapping)



ENCIK AHMAD FAUZI BIN NORDIN, KMN

Encik Ahmad Fauzi bin Nordin berusia 49 tahun memegang Ijazah Sarjana Geoinformatics dari Universiti Teknologi Malaysia, Diploma Lanjutan Geografi Informasi Sistem (Distinction) daripada Netherlands dan Ijazah Sarjana Muda Ukur (Tanah) dari Universiti Teknologi Malaysia, dilantik sebagai Pengarah Ukur Bahagian (Kadaster) pada 2 September 2002. Pernah bertugas sebagai Juruukur Daerah Kuala Kangsar, Penolong Pengarah Ukur Topografi (Wilayah Utara), Timbalan Pengarah Ukur Kedah/Perlis, Penolong Pengarah Ukur Kadaster (RT), Timbalan Pengarah Ukur (Unit Khas) Pahang, Timbalan Pengarah Ukur Perak, Pengarah Ukur Topografi Sarawak, Timbalan Pengarah Ukur Topografi 1 Topografi Semenanjung, Pengarah Ukur W.P Kuala Lumpur, Ketua Penolong Pengarah Ukur (Hak milik), Pengarah Ukur Selangor, Pengarah Ukur Bahagian (Ukur Geodetik) dan Pengarah Ukur Bahagian (Penyelarasan Kadaster). Beliau juga adalah seorang Juruukur Tanah Bertauliah.

Mr. Ahmad Fauzi bin Nordin, 49 years, holds a Masters Degree in Geoinformatics from University of Technology Malaysia, Post-Graduate Diploma in Geographical Information System (Distinction) from ITC Netherlands and a Bachelor of Science in Survey (Land) from University of Technology Malaysia. He was appointed Divisional Director of Survey (Cadastral) on 2nd September 2002. He began his career as District Surveyor in Kuala Kangsar and moved to assumed positions of Assistant Director of Survey Topography (Northern Region), Deputy Director of Survey Kedah/Perlis, and Assistant Director of Survey Cadastral (LP). He also held several positions including that of Deputy Director of Survey in Pahang (Task Force), Deputy Director of Survey Perak, Director of Survey Topography in Sarawak, Deputy Director of Survey Topography 1 (Topography Peninsular), Director of Survey Kuala Lumpur Federal Territory. He was also the Principal Assistant Director of Survey (Land Title), Director of Survey Selangor, Divisional Director of Survey (Geodetic Survey) and Divisional Director of Survey (Cadastral Coordination). He is also a Registered Land Surveyor.

PENGARAH UKUR BAHAGIAN (KADASTER)
Divisional Director of Survey (Cadastral)



TUAN HAJI MUHAMED KAMIL BIN MAT DAUD, KMN

Tuan Haji Muhamed Kamil bin Mat Daud, berusia 53 tahun memegang Ijazah Sarjana Muda Ukur Tanah dari Universiti Teknologi Malaysia dan Diploma Ukur Tanah daripada Universiti Teknologi Malaysia, dilantik sebagai Pengarah Ukur Bahagian (Kadaster) pada 5 April 2004. Pernah bertugas sebagai Juruukur Daerah Kelantan Selatan, Timbalan Pengarah Ukur Terengganu, Timbalan Pengarah Ukur Kelantan, Timbalan Pengarah Ukur Johor, Pengarah Ukur Negeri Sembilan, Pengarah Ukur Kelantan, Pengarah Ukur Bahagian (Pengeluaran Pemetaan) dan Pengarah Ukur Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Putrajaya. Beliau juga adalah seorang Juruukur Tanah Bertauliah.

Tuan Haji Muhamed Kamil bin Mat Daud, 53 years, holds a Bachelor of Science in Survey (Land) from University of Technology Malaysia and a Diploma in Land Surveying from University of Technology Malaysia, was appointed Divisional Director of Survey (Cadastral) on 5th April 2004. He had served as District Surveyor South Kelantan, Deputy Director of Survey Terengganu, Deputy Director of Survey Kelantan, Deputy Director of Survey Johor, Director of Survey Negeri Sembilan, Director of Survey Kelantan, Divisional Director of Survey (Map Production) and Director of Survey WPKL/Putrajaya. He is also a Registered Land Surveyor.

FUNGSI BAHAGIAN KADASTER

Functions of the Cadastral Division

- Menggubal dasar pemetaan negara.
To formulate national mapping policies.
- Membuat, menerbitkan dan mencetak pelbagai peta dan bukan peta.
To produce, publish and print various maps and miscellaneous jobs.
- Menguruskan tapisan keselamatan dan pengeluaran lesen hak cipta.
To manage security vetting and production of copyright licenses.
- Melaksanakan penggambaran udara bagi tujuan pemetaan dan lain-lain.
To implement aerial photography for mapping and other purposes.
- Melaksanakan pemetaan topografi dan menyelenggarakan pangkalan data topografi dan kartografi.
To implement topographic mapping and to maintain topographic and cartographic data base.
- Penyelenggarakan pusat stor negara.
To maintain the national store centre.
- Urus setia kepada Jawatankuasa Pemetaan dan Data Spatial Negara dan Jawatankuasa Kebangsaan Nama-nama Geografi.
Secretariat to the National Spatial Data and Mapping Committee and National Geographical Names Committee.
- Mengukur sempadan antarabangsa/negeri.
To survey international/state boundaries.
- Penyediaan prasarana ukur dan pemetaan.
Establishment of survey and mapping infrastructure.
- Menguruskan pengiraan rukyah/takwim bagi penentuan awal Ramadhan dan Syawal serta kalendar Islam.
To manage the computation of rukyah/takwim to determine awal Ramadan and Syawal as well as the Islamic calendar.
- Konsultan kepada BKN dan Kementerian Luar dalam urusan persempadanan negara.
Consultant to BKN and Foreign Ministry on matters pertaining to the nation's boundaries.

FUNGSI BAHAGIAN PEMETAAN

Functions of the Mapping Division

Menasihati Jabatan mengenai penggubalan dasar ukur kadaster melalui peruntukan undang - undang, peraturan ukur dan Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan.

To advise the Department on formulation of cadastral survey policies via provisions of legislation, survey regulations and Director-General of Survey and Mapping Circulars.

Merancang dan mengawasi kerja-kerja ukur kadaster dan pangkalan data ukur kadaster yang dilaksanakan oleh JUPEM Negeri supaya siap mengikut tempoh serta menepati matlamat yang telah ditetapkan.

To plan and monitor cadastral survey works and cadastral survey data bases implemented by State JUPEM in order that they are completed within the fixed timeframe as well as adhere to the intended aspirations.

Mengawal selia prestasi dan kualiti ukuran kadaster yang dijalankan oleh Juruukur Tanah Berlesen (JTB) supaya mematuhi peruntukan undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan. Prestasi kerja dapat dinilai melalui laporan yang disediakan oleh JUPEM Negeri. Manakala kualiti dapat ditentukan melalui semakan rambang di lapangan.

To supervise the performance and quality of cadastral surveys conducted by Licensed Land Surveyors (JTB) to ensure they conform to the fixed provisions of the law and regulations. The performance of the jobs can be assessed via the reports prepared by the State JUPEM whereas quality can be assessed via random checks in the field.

Merancang dan melaksanakan pembangunan sistem ukur kadaster yang sentiasa efisien di seluruh JUPEM Negeri yang meliputi aspek-aspek kerja di lapangan dan juga di pejabat.

To plan and implement the development of a cadastral survey system that is always efficient within the entire State JUPEM covering all aspects of work in the field and also in the office.

KUMPULAN PENGURUSAN JUPEM

JUPEM Management Group

PENGURUSAN TERTINGGI *Top Management*

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia • Dato' Hamid bin Ali, DIMP, KMN, PMC, PJC
Director-General of Survey and Mapping

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia • Dr. Abdul Kadir bin Taib, SDK, KMN
Deputy Director-General of Survey and Mapping

Pengarah Ukur Bahagian (Pemetaan) • Ahmad Fauzi bin Nordin, KMN
Divisional Director of Survey (Mapping)

Pengarah Ukur Bahagian (Kadaster) • Haji Muhamed Kamil bin Mat Daud, KMN
Divisional Director of Survey (Cadastral)

PEJABAT KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN *Office of the Director - General of Survey and Mapping*

Pengarah Ukur (Perancangan, Penyelidikan dan Pembangunan) • Ahamad bin Zakaria mulai Mac 2005
Director of Survey (Planning, Research and Development)

Pengarah (Pentadbiran dan Perkhidmatan) • Haji Norzam bin Mohd Noor, AMN sehingga Februari 2005
Director (Administration and Services) • Ja'apar bin Wahab, DNS, DSM, JSD, KMN, PBM mulai Mac 2005

Ketua Penolong Pengarah Ukur (Perancangan Gunatenggara) • Ahamad bin Zakaria sehingga Februari 2005
Principal Assistant Director of Survey (HR Planning) • Ja'apar bin Wahab, DNS, DSM, JSD, KMN, PBM
mulai Mac 2005

Ketua Penolong Pengarah (Pembangunan Sistem) • Mazlan bin Junus sehingga Julai 2005
Principal Assistant Director (System Development) • Ahmad Kamil bin Hassan Rabein mulai Ogos 2005

BAHAGIAN KADASTER *Cadastral Division*

Pengarah Ukur dan Pemetaan Kuala Lumpur / Putrajaya • Hasan bin Jamil, AMN
Director of Survey and Mapping Kuala Lumpur / Putrajaya

Pengarah Ukur dan Pemetaan Perak • Mohamed Azhari bin Mohamed Zainudin, KMN
Director of Survey and Mapping Perak

Pengarah Ukur dan Pemetaan Kelantan • Mohamed bin Yunus, KMN, AMN
Director of Survey and Mapping Kelantan

Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang • Mohd. Noor bin Isa
Director of Survey and Mapping Pahang

Pengarah Ukur dan Pemetaan Johor • Junaimee bin Dahlan
Director of Survey and Mapping Johor

Pengarah Ukur dan Pemetaan Selangor • John Elvis Koh, PPT
Director of Survey and Mapping Selangor

Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri Sembilan • Haji Ali bin Ahmad
Director of Survey and Mapping Negeri Sembilan

Pengarah Ukur dan Pemetaan Kedah • Abdul Samad bin Bahari, AMN, BCK, PJK
Director of Survey and Mapping Kedah

Pengarah Ukur dan Pemetaan Pulau Pinang • Mohd. Salehan bin Ngadiman mulai Mac 2005
Director of Survey and Mapping Pulau Pinang

Pengarah Ukur dan Pemetaan Terengganu • Haji Hamdani bin Haji Sadiman
Director of Survey and Mapping Terengganu

Pengarah Ukur dan Pemetaan Perlis • Mohd Salleh bin Taib, BCK sehingga Julai 2005
Director of Survey and Mapping Perlis • Abdul Aziz bin Jantan mulai September 2005

Pengarah Ukur dan Pemetaan W.P. Labuan • Ahamad @ Ishak bin Ibrahim sehingga Februari 2005
Director of Survey and Mapping W.P. Labuan • Che Mohamad Bakri bin Omar mulai Mac 2005

Pengarah Ukur dan Pemetaan Melaka • Haji Abdul Rahman bin Mohd. Don sehingga Februari 2005
Director of Survey and Mapping Melaka • Padzillah bin Che Ros mulai Mac 2005

Pengarah Ukur (Penyelarasan dan Dasar Kadaster) • Dr. Teng Chee Hua
Director of Survey (Coordination and Cadastral Policy)

Ketua Penolong Pengarah Ukur (Perundangan) • Jasni bin A. Rahman
Principal Assistant Director of Survey (Legal)

Ketua Penolong Pengarah Ukur (Naziran/Juruukur Berlesen) • Haji Mohammad Yunus bin Md. Yusof, PPT
Principal Assistant Director of Survey (Inspectorate/Licensed Land Surveyors)

BAHAGIAN PEMETAAN **Mapping Division**

Pengarah Cawangan Pemetaan Pertahanan • Kol. Mior Safian bin Saidin, PCM, KAT, KMN
Director of Defence Mapping Branch

Pengarah Ukur (Geodesi) • Dr. Samad bin Hj. Abu, KMN, AMN
Director of Survey (Geodesy)

Pengarah Ukur (Ehwal Persempadanan) • Tan Ah Bah, AMN
Director of Survey (Border Affairs)

Pengarah Ukur Topografi Sabah • Zakaria bin Saat
Director of Survey (Topography Sabah)

Pengarah Ukur (Penawanan Data) • Wan Zainuddin bin Wan Yusoff
Director of Survey (Data Acquisition)

Pengarah Ukur (Perkhidmatan Pemetaan) • Teng Chee Boo
Director of Survey (Mapping Services)

Pengarah Ukur (Kartografi) • Haji Mohamad Kamali bin Adimin mulai Mac 2005
Director of Survey (Cartography)

Pengarah Ukur Topografi Sarawak • Mohd. Salehan bin Ngadiman sehingga Februari 2005
Director of Survey (Topography Sarawak) • Ramli bin Nor mulai Mac 2005

Pengarah Ukur Topografi Semenanjung • Sohaime bin Rasidi mulai Mac 2005
Director of Survey (Topography Peninsular)

Ketua Penolong Pengarah Ukur (Pangkalan Data) • Md. Zaki bin Ad. Wahid sehingga Februari 2005
Principal Assistant Director of Survey (Data Base) • Zoher bin Nomanbhoy mulai Mac 2005

Ketua Penolong Pengarah (Percetakan Peta) • Haji Muhammad Puzi bin Ahmat, KSD
Principal Assistant Director (Map Printing)

ANUGERAH *Awards*

Pengiktirafan seumpama ini, daripada pihak kerajaan atau swasta, dapat meningkatkan komitmen jabatan ini untuk terus berusaha menjayakan aktiviti-aktiviti kerja jabatan. Kejayaan ini adalah berdasarkan kepada keupayaan dan kepercayaan para pelanggan terhadap perkhidmatan yang diberikan JUPEM.

Recognition such as these, from the government or the private sector, helps to raise the department's commitment to continue in its effort to achieve success in the department's work activities. This success is based on the customers effort and trust towards the services provided by JUPEM.

TAHUN 2005 (Year 2005)		
KATEGORI <i>Category</i>	PERINGKAT <i>Level</i>	CATATAN <i>Remarks</i>
Anugerah Kualiti Perdana Menteri <i>Prime Minister Quality Award</i>	Kebangsaan <i>National</i>	Penyertaan <i>Participant</i>
Anugerah Kualiti Perkhidmatan Awam (Seksyen Topografi, Sabah) <i>Public Services Quality Award (Topographical Section, Sabah)</i>	Negeri <i>State</i>	Pemenang <i>Winner</i>

SAMBUTAN ULANG TAHUN KE 120 JUPEM

JUPEM 120 Years Celebration

Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) meraikan sambutan ke 120 tahun penubuhannya pada 30 Jun 2005. Di majlis perasmian gilang-gemilang yang dirasmikan oleh Y.B. Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), Dato' Sri Hj. Adenan b. Hj. Satem, pelbagai aktiviti dijalankan sepanjang tiga hari tersebut mulai dari 29 Jun hingga 1 Julai 2005.

Bermula pada tahun 1885 JUPEM terus berkembang sehingga kini dalam menyediakan pelbagai jenis data geospasial digital, peta-peta tercetak, produk-produk kadaster, produk-produk geodetik serta perkhidmatan pemetaan.

Sebanyak lima kertas kerja telah dibentangkan oleh Pegawai dari JUPEM dan UTM dalam seminar yang telah diadakan di Dewan Perdana FELDA, Jalan Maktab, Kuala Lumpur.

Melalui seminar itu, peserta telah diberi penerangan dan pendedahan tentang aktiviti dan teknologi terkini yang digunakan oleh jabatan dan kaedah implementasi dalam bidang ukur. Aktiviti pameran juga telah diadakan di perkarangan Ibu Pejabat JUPEM bertujuan untuk menerangkan dan mempamerkan kepada orang ramai terutama pelajar sekolah dengan mengadakan sesi 'guided tour' secara langsung mengenai peranan dan tugas setiap bahagian/seksyen yang terdapat di JUPEM.

The Department of Survey and Mapping Malaysia (JUPEM) celebrated 120 years of its establishment on 30th June 2005. At the glittering official ceremony officiated by Y.B. Minister of National Resources Environment (NRE) Dato' Sri Hj. Adenan b. Hj. Satem, a variety of activities were carried out throughout three days starting from 29th June until 1st July 2005.

Established in 1885 JUPEM have continued to grow in providing various types of digital geospatial data, printed maps, cadastral products, geodetic products as well as mapping services.

Five working papers being tabled by officers from JUPEM and UTM at the seminar that was held at Dewan Perdana FELDA, Jalan Maktab, Kuala Lumpur.

Through this seminar, participants were given explanation and exposure on the activities and latest technology used by the department and the implementation methods used in the field of survey. Exhibition activities were also held in the compound of JUPEM Headquarters with the intention of explaining and exhibiting to the general public, students in particular, by guided tour sessions, on the role and duties of each division/section within JUPEM.



Orang ramai juga berpeluang melawat Galeri 120 tahun JUPEM yang berfungsi sebagai mini muzium yang mempamerkan koleksi-koleksi peralatan serta produk setiap seksyen daripada peralatan silam hingga teknologi terkini. Di samping itu sebanyak 40 gerai jualan disediakan bagi kemudahan pengunjung membeli cenderahati dan sebagainya.

Diharapkan dengan adanya majlis sambutan 120 tahun ini, ia dapat memperingati sejarah penubuhan JUPEM dan seterusnya meningkatkan kesedaran kepada kakitangan JUPEM khususnya dan masyarakat umum amnya, tentang betapa pentingnya kewujudan jabatan dan sumbangannya kepada negara.

The public also had the opportunity to visit JUPEM's 120 years Gallery which functions as a mini museum that displays a collection of equipment as well as products from each section, consisting of equipment used in bygone years until the latest technology. Besides that as many as 40 stalls were setup for the convenience of the visitors to purchase souvenirs, etc.

Hopefully with the holding of this 120 years celebration, the history of the establishment of JUPEM will be remembered and subsequently increase the awareness among JUPEM's staff especially and the public generally, the importance of the department's existence and its contribution towards the nation.



▲ Dato' Sri Hj. Adenan b. Hj. Satem sedang menandatangani di atas skrin komputer sebagai simbolik kepada perasmian sambutan ke-120 tahun JUPEM.

RINGKASAN KEMAJUAN 2005

Summary 2005 Progress

Ukuran Hakmilik Tanah <i>Land Title Survey</i>	80,000 lot / <i>lots</i>	80,097 lot / <i>lots</i>	(100%)
Semakan Kerja Juruukur Tanah Berlesen <i>Verification of Licensed Land Surveyors Jobs</i>	268,420 lot / <i>lots</i>	278,468 lot / <i>lots</i>	(104%)
Suratan Hakmilik Tanah <i>Land Titles</i>	379,000 pasang / <i>sets</i>	434,026 pasang / <i>sets</i>	(115%)
Semakan Pelan Cadangan Strata <i>Checking of Proposed Strata Plans</i>	96,450 petak / <i>parcels</i>	106,208 petak / <i>parcels</i>	(110%)
Suratan Hakmilik Strata <i>Land Titles</i>	70,100 petak / <i>parcels</i>	76,233 petak / <i>parcels</i>	(109%)
Pangkalan Data Ukur Kadaster <i>Cadastral Survey Data Base</i>	350,440 lot / <i>lots</i>	393,469 lot / <i>lots</i>	(112%)
Foto udara <i>Aerial Photographs</i>	100 lembar / <i>sheets</i>	144 lembar / <i>sheets</i>	(144%)
Pangkalan Data Topografi dan Kartografi: <i>Topographic and Cartographic Data Base:</i>			
Skala 1: 50 000 <i>Scale 1:50 000</i>	100 lembar / <i>sheets</i>	101 lembar / <i>sheets</i>	(101%)
Skala 1:25 000 <i>Scale 1:25 000</i>	99 lembar / <i>sheets</i>	99 lembar / <i>sheets</i>	(100%)
Skala 1: 3 000 - 12 500 <i>Scale 1:3 000 - 12 500</i>	11 lembar / <i>sheets</i>	11 lembar / <i>sheets</i>	(100%)
Skala 1: 1 250 <i>Scale 1:1 250</i>	12 lembar / <i>sheets</i>	12 lembar / <i>sheets</i>	(100%)
Penyediaan Peta Ortofoto <i>Preparation of Orthophoto Maps</i>	40 lembar / <i>sheets</i>	46 lembar / <i>sheets</i>	(115%)
Penyediaan Peta Tematik <i>Preparation of Thematic Maps</i>	42 lembar / <i>sheets</i>	38 lembar / <i>sheets</i>	(90%)
Percetakan Peta (Topografi/Tematik) <i>Map Printing (Topographic/Thematic)</i>	240 lembar / <i>sheets</i>	272 lembar / <i>sheets</i>	(113%)
Penandaan dan Pengukuran Sempadan Antarabangsa <i>Demarcation and Survey of International Boundaries</i>			
Malaysia - Indonesia (Penyelenggaraan) <i>Malaysia - Indonesia (Maintenance)</i>			
(Sarawak - Kalimantan Barat) <i>(Sarawak - West Kalimantan)</i>	25.0 km / <i>kms</i>	25.0 km / <i>kms</i>	(100%)
(Sabah - Kalimantan Timur) <i>(Sabah - East Kalimantan)</i>	42.6 km / <i>kms</i>	42.6 km / <i>kms</i>	(100%)
Prosesan Data Ukuran Aras Jitu <i>Processing Precise Levelling Data</i>	800 BM / <i>BM</i>	896 BM / <i>BM</i>	(112%)
Ukuran Jaringan dan Kawalan GPS <i>GPS Control and Network Survey</i>	600 stesen / <i>stations</i>	619 stesen / <i>stations</i>	(103%)
Ukuran Graviti <i>Gravity Survey</i>	100 stesen / <i>stations</i>	100 stesen / <i>stations</i>	(100%)

PEJABAT KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN

Office of the Director-General of Survey and Mapping Malaysia

Peranan seksyen-seksyen yang terletak di bawah Pejabat Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan adalah memberikan khidmat sokongan dan menyelaras kepada aktiviti, program pembangunan, penyelidikan dan pemodenan JUPEM secara keseluruhannya.

Di samping itu, seksyen-seksyen ini juga berperanan mengurus serta menyelaras hal ehwal pentadbiran, kewangan dan pengurusan korporat serta pelaksanaan dasar-dasar kerajaan dan jabatan dan juga menyelaras pembangunan sumber manusia dan kerjaya yang menitikberatkan kepada elemen penglibatan dan pembelajaran ke arah meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan kakitangan mengikut keperluan semasa.

Aspek-aspek yang perlu diberikan tekanan adalah seperti motivasi, tahap kefahaman, perhubungan kakitangan di samping Program Pengurusan Eksekutif dan Program Pembangunan Pengurusan Tertinggi bagi melahirkan barisan pelapis yang akan menerajui JUPEM pada masa akan datang.

The role of the various sections under the office of the Director-General of Survey and Mapping Malaysia is to provide support services and to coordinate activities, development programmes, research and the modernisation of JUPEM as a whole.

Besides that, the various sections also plays a role in managing as well as coordinating administrative affairs, finance and corporate management as well as implementation of government and departmental policies and also coordinating human resources development and careers that emphasise the elements of involvement and learning towards upgrading the knowledge, skills and efficiency of the staff according to present needs.

Aspects that need be given emphasis are motivation, level of understanding, staff relationship, besides the Executive Management Programme and Top Management Development Programme that will produce the next generation of leaders to take over the reigns of JUPEM in the coming years.

SUMBER MANUSIA *Human Resources*

Bilangan kakitangan JUPEM yang telah diluluskan adalah seramai 5,069 jawatan meliputi kumpulan perkhidmatan teknikal dan bukan teknikal termasuk jawatan KADER. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 4,784 jawatan telah diisi mengikut kekosongan dan keutamaan.

The number of staff approved for JUPEM are 5,069 posts covering technical services and non-technical groups including the posts of KADER. From this total, as many as 4,784 posts were filled up according to vacancies and priority.

KUMPULAN <i>Group</i>		LULUS <i>Approved</i>	ISI <i>Filled Up</i>	KOSONG <i>Vacancy</i>
PENGURUSAN & PROFESIONAL <i>Management & Professional</i>	GRED UTAMA <i>Premier Grade</i>	4	4	-
	GRED / <i>Grade</i> (54)	21	21	-
	GRED / <i>Grade</i> (48 - 52)	69	64	5
	GRED / <i>Grade</i> (41 - 44)	210	205	5
SOKONGAN <i>Support</i>	GRED / <i>Grade</i> (27 - 38)	605	565	40
	GRED / <i>Grade</i> (17 - 26)	1,697	1,606	91
	GRED / <i>Grade</i> (1-16)	2,463	2,319	144
JUMLAH / Total		5,069	4,784	285

PECAHAN PENGISIAN JAWATAN TAHUN 2005 *Breakdown of Staff Recruitment in 2005*

Pertambahan jawatan adalah disebabkan satu seksyen baru telah diwujudkan di JUPEM iaitu Seksyen Pemetaan Utiliti berkuatkuasa 1.10.2005 yang diletakkan dibawah Bahagian Pemetaan dan sebanyak 55 jawatan pelbagai gred telah diluluskan mengikut Waran Perjawatan bil. E37 Tahun 2005 bertarikh 10 Oktober 2005.

The additional posts is due to the creation of a new section in JUPEM, that is, the Utility Mapping Section effective on 1.10.2005 and is placed under the Mapping Division and 55 posts of various grades was approved according to the Recruitment Warrant no. E37/2005 dated 10th October 2005.



PENGISIAN JAWATAN - 2005

Staff Recruitment 2005

JAWATAN <i>Group</i>	GRED <i>Grade</i>	PEJABAT KPUP		BAHAGIAN KADASTER		BAHAGIAN PEMETAAN		JAWATAN KADER		JUMLAH <i>Total</i>		
		LULUS	ISI	LULUS	ISI	LULUS	ISI	LULUS	ISI	LULUS	ISI	
1	Juruukur Utama 'A'	VU5	1	1	-	-	-	-	-	-	1	1
2	Juruukur Utama 'B'	VU6	1	1	-	-	-	-	-	-	1	1
3	Juruukur Utama 'C'	VU7	-	-	1	1	1	1	-	-	2	2
4		J54	1	-	11	11	8	8	-	-	20	20
5		J52	-	-	3	3	5	4	2	2	10	9
6	Juruukur	J48	5	5	21	21	18	17	9	8	53	51
7		J44	-	-	15	15	10	8	6	-	31	29
8		J41	11	11	72	72	40	39	34	33	157	155
9		J48	-	-	-	-	2	2	-	-	2	2
10	Juruukur / Jurukartografi	J44	-	-	-	-	1	1	-	-	1	1
11		J41	-	-	-	-	4	4	-	-	4	4
12	Pegawai Undang-Undang	L48	1	-	-	-	-	-	-	-	1	-
13		M54	1	1	-	-	-	-	-	-	1	1
14	Pegawai Tadbir & Diplomatik	M48	1	1	-	-	-	-	-	-	1	1
15		M41	1	1	-	-	-	-	-	-	1	1
16	Ketua Pegawai Penyelidikan Peta	C48	-	-	-	-	1	-	-	-	1	-
17	Pegawai Perpustakaan	S41	-	-	-	-	1	1	-	-	1	1
18		F48	1	1	-	-	-	-	-	-	1	1
19	Pegawai Sistem Maklumat	F44	1	1	-	-	-	-	-	-	1	1
20		F41	2	2	10	9	1	1	-	-	13	12
21	Pembantu Teknik J41 (KUP)	J41	1	1	-	-	-	-	-	-	1	1
JUMLAH / Total			28	26	133	132	92	86	51	43	304	294

SOKONGAN I / Support 1



22		J38	1	-	15	13	9	9	1	1	26	24
23	Pembantu Teknik Ukur	J36	8	4	76	76	68	50	4	4	156	134
24		J29	8	7	191	187	165	158	19	19	383	371
25		F38	1	1	-	-	-	-	-	-	1	1
26	Penolong Pegawai Sistem Maklumat	F32	1	-	-	1	1	-	-	-	2	1
27		F29	3	3	13	10	6	6	-	-	22	19
28	Penolong Pegawai Tadbir	N32	1	1	6	6	2	2	-	-	9	9
29		N27	-	-	6	6	-	-	-	-	6	6
JUMLAH / Total			23	16	307	299	251	225	24	24	605	565

SOKONGAN II / Support II

30		J26	1	-	23	20	9	8	-	-	33	29
31	Juruteknik Ukur	J22	7	6	120	109	97	79	-	-	224	194
32		J17	2	2	818	795	375	349	6	6	1,201	1,152
33	Pembantu Tadbir (P/O)	N26	-	-	-	-	1	-	-	-	1	-
34	Pembantu Tadbir (P/O)	N22	2	2	9	9	1	1	-	-	12	12
35	Pembantu Tadbir Negeri (P/O)	N22	-	-	3	3	-	-	-	-	3	3
36	Pembantu Khas/Pembantu Tadbir (K)	N22	2	2	1	1	1	1	-	-	4	4
37	Pembantu Tadbir (Kew)	W22	-	-	1	1	1	1	-	-	2	2
38	Pembantu Tadbir (Kew)	W17	1	1	18	17	19	18	-	-	38	36
39	Pembantu Tadbir Negeri (Kew)	W17	-	-	2	2	-	-	-	-	2	2
40	Pembantu Tadbir (P/O)	N17	5	5	42	48	27	25	-	-	74	78
41	Pembantu Tadbir (P/ O) (Stor)	N17	1	1	16	17	10	11	-	-	27	29
42	Pembantu Tadbir Negeri (P/O)	N17	-	-	14	6	-	-	-	-	14	6
43	PA/Pembantu Tadbir (K)	N17	1	1	1	1	-	-	-	-	2	2
44	Pembantu Tadbir (K)	N17	2	1	11	11	11	10	-	-	24	22
45	Pembantu Penerbitan	N17	-	-	7	7	7	7	-	-	14	14
46	Pegawai Khidmat Pelanggan	N17	2	2	9	9	-	-	-	-	13	13
47	Pembantu Makmal Filem	C17	-	-	-	-	2	2	-	-	2	2
48	Pembantu Perpustakaan	S17	-	-	-	-	4	4	-	-	4	4
49	Juruteknik Komputer	FT17	-	-	-	-	1	-	-	-	1	-
50	Operator Kumputer (KUP)	F17	2	2	-	-	-	-	-	-	2	2
JUMLAH / Total			28	26	1,095	1,056	568	518	6	6	1,697	1,606



JAWATAN <i>Group</i>	GRED <i>Grade</i>	PEJABAT KPUP		BAHAGIAN KADASTER		BAHAGIAN PEMETAAN		JAWATAN KADER		JUMLAH <i>Total</i>		
		LULUS	ISI	LULUS	ISI	LULUS	ISI	LULUS	ISI	LULUS	ISI	
SOKONGAN II / <i>Support II</i>												
51	Juruteknik Percetakan Rendah (KUP)	N11	-	-	4	4	-	-	-	-	4	4
52	Pembantu Tadbir Rendah (Jurutaip)	N11	1	1	18	16	8	6	-	-	27	23
53	Pembantu Tadbir Rendah (Operator)	N11	-	-	1	1	-	-	-	-	1	1
54	Penyelenggara Stor Rendah (KUP)	N11	-	-	2	2	1	1	-	-	3	3
55	Pengawit	N11	-	-	-	-	2	2	-	-	2	2
56	Operator Mesin Prosesan Data	F14	1	1	-	-	-	-	-	-	1	1
57	Operator Mesin Prosesan Data	F11	8	8	-	-	-	-	-	-	8	8
58	Pembantu Am Rendah	N4	1	-	17	-	4	-	-	-	22	-
59	Penghantar Cepat (KUP)	N1	1	1	-	-	-	-	-	-	1	1
60	Pencari Fail (KUP)	N1	-	-	3	3	-	-	-	-	3	3
61	Pembantu Am Rendah	N1	4	4	107	107	28	29	-	-	139	140
62	Operator Mesin (KUP)	N1	-	-	-	-	3	3	-	-	3	3
63	Tukang K2 (Elektrik)	R11	-	-	1	1	-	-	-	-	1	1
64	Tukang K3 (Batu)	R9	-	-	9	8	-	-	-	-	9	8
65	Tukang K3 (Kayu)	R9	1	1	-	-	-	-	-	-	1	1
66	Pengawal Keselamatan	KP14	1	-	-	-	-	-	-	-	1	-
67	Pengawal Keselamatan	KP11	13	13	-	-	-	-	-	-	13	13
68	Pemandu Kenderaan Bermotor	R3	8	8	46	46	80	76	-	-	134	130
69	Pemandu / Operator Jentera Pemunggah	R3	-	-	-	-	1	1	-	-	1	1
70	Pekerja Rendah Awam	R4	-	-	275	249	92	68	-	-	367	317
71	Pekerja Rendah Awam Khas	R4	-	-	-	-	4	2	-	-	4	2
72	Pekerja Rendah Awam	R3	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
73	Pekerja Rendah Awam	R1	-	-	1,273	1,238	426	401	-	-	1,699	1,639
74	Jaga	R1	-	-	16	15	2	2	-	-	18	17
75	Jurumudi/Kelasi (KUP)	A1	-	-	-	-	1	1	-	-	1	1
JUMLAH / <i>Total</i>			39	37	1,772	1,690	652	592	-	-	2,463	2,319
JUMLAH BESAR / <i>Grand Total</i>			118	112	3,307	3,177	1,563	1,421	81	79	5,069	4,784



PEMBANGUNAN KERJAYA *Career Development*

Untuk menjamin kualiti serta keberkesanan kerja, JUPEM sentiasa menjalankan latihan serta kursus yang berterusan kepada kakitangan. Di samping itu juga, kakitangan JUPEM sentiasa didedahkan dengan latihan kemahiran penggunaan peralatan dan perisian baru supaya mereka dapat menjalankan kerja dengan lebih produktif dan berkesan.

Bagi menjamin kakitangan JUPEM mendapat pendedahan dan pengetahuan yang sewajarnya, pihak jabatan telah mengenal pasti kakitangan-kakitangan yang sesuai yang memerlukan latihan, kursus, seminar, bengkel dan forum yang bersesuaian dengan bidang ukur dan pemetaan. Latihan di peringkat akademik tahun 2005:

To ensure quality as well as effective work, JUPEM always conduct training as well as courses continuously to its staff. Besides that, JUPEM's staff are always exposed to skills training on equipment usage and new softwares to enable them to perform their work more effectively and productively.

To ensure JUPEM's staff obtain enough exposure and knowledge accordingly, the department has identified suitable personnel that requires training, courses, seminars, workshops and forums in the field of survey and mapping. Academic level training in 2005:

KURSUS <i>Courses</i>	TAMAT KURSUS <i>Completed</i>	SEDANG BERKURSUS <i>In-Training</i>
Kedoktoran <i>Doctorate</i>	-	2
Sarjana <i>Masters</i>	-	-
Ijazah <i>Degree</i>	-	3
Diploma <i>Diploma</i>	6	-
Sijil <i>Certificate</i>	-	1
JUMLAH / Total	6	6

Latihan dalam Perkhidmatan tahun 2005:

In-Service Training in 2005:

PROGRAM <i>Programme</i>	ANJURAN / BILANGAN <i>Sponsor / Number</i>		
	JUEM <i>Jupem</i>	INSTUN <i>Instun</i>	LUAR <i>Others</i>
Kursus Pra-Perkhidmatan <i>Pre-Service Course</i>	5	-	-
Kursus Bersama <i>Joint Course</i>	1	-	9
Program Bengkel dan Seminar <i>Workshop and Seminar Programme</i>	5	-	14
Kursus Bantuan Teknikal dan Konsultansi <i>Technical Support and Consultancy Course</i>	15	-	-
Kursus Asas <i>Basic Course</i>	-	14	-
Kursus 'Mid Career Training' <i>Mid Career Training Course</i>	-	36	-
Kursus Pembangunan Pengurusan dan Kualiti <i>Management Development and Quality Course</i>	-	-	-
Kursus Teknologi Maklumat dan Komunikasi <i>Information Technology and Communication Course</i>	-	17	-
JUMLAH / Total	26	67	23
JUMLAH BESAR / Grand Total		116	



▲ Latihan amali penggunaan teodolit kepada kakitangan baru

PENGURUSAN KEWANGAN (BAJET) *Financial Management (Budget)*

Pada tahun 2005, JUPEM telah diberi peruntukan sebanyak RM 174.886 juta berbanding dengan RM 285.054 juta pada tahun 2004 di bawah anggaran belanja mengurus dan pembangunan bagi dua aktiviti utamanya iaitu ukur tanah dan pemetaan. Ini menunjukkan penurunan 38.65 % dari jumlah yang diperuntukkan pada tahun 2004.

Dari jumlah tersebut, sebanyak RM 76.167 juta telah diperuntukkan untuk program pemetaan dan sebanyak RM 98.719 juta pula untuk program ukur tanah.

In 2005, JUPEM was allocated a total of RM 174.886 million compared with RM 285.054 million for the year 2004 under the management and development estimates for two main activities, that is, land survey and mapping. This is a reduction of 38.65 % from the total amount that was allocated for the year 2004.

From the total stated, as much as RM 76.167 million was allocated for mapping programmes and as much as RM 98.719 million was for land survey programmes.


TAHUN Year	UKUR TANAH Land Survey	PEMETAAN Mapping	PERUNTUKAN KESELURUHAN Overall Allocation
2001	133.819 Juta	57.629 Juta	191.445 Juta
2002	128.686 Juta	80.125 Juta	208.811 Juta
2003	128.854 Juta	111.405 Juta	240.259 Juta
2004	186.361 Juta	98.693 Juta	285.054 Juta
2005	98.719 Juta	76.167 Juta	174.886 Juta

Pecahan peruntukan kewangan bagi tahun 2005 adalah seperti berikut:

Breakdown of financial allocation for the year 2005 is as follows:

MAKLUMAT PERUNTUKAN Allocation (RM)	JUMLAH Total (RM)
Sedia Ada <i>Existing Policy</i>	167,153,880.00
One-Off <i>One-Off Policy</i>	1,450,000.00
Dasar Baru <i>New Policy</i>	2,111,500.00
Pembangunan <i>Development</i>	18,857,536.00
JUMLAH / Total	189,572,916.00

PRESTASI PERBELANJAAN BAGI LIMA TAHUN
Expenditure Performances for Five Years



AKTIVITI Activity	2001	2002	2003	2004	2005
Ukur Tanah Land Survey	133.819 Juta	128.686 Juta	128.854 Juta	186.361 Juta	98.719 Juta
Pemetaan Mapping	57.629 Juta	80.125 Juta	111.405 Juta	98.693 Juta	76.167 Juta
Peruntukan Keseluruhan Overall Allocation	191.445 Juta	208.811 Juta	240.259 Juta	285.054 Juta	174.886 Juta

PERUNTUKAN PROJEK - PROJEK PEMBANGUNAN *Project Allocation – Development Projects*

Sebanyak RM18,857,536.00 juta telah di peruntukan kepada JUPEM untuk membiayai beberapa projek pembangunan bagi tahun 2005. Peruntukan tersebut telah disalurkan melalui butiran berikut:

Binaan	RM 1.236 juta
Bekalan	RM 4.623 juta
Perkhidmatan	RM 12.998 juta

Perlaksanaan projek pembangunan ini dapat meningkat dan memantapkan sistem penyampaian JUPEM. Dengan terlaksananya projek-projek ini, JUPEM akan dapat menyediakan prasarana ukur dan pemetaan yang lengkap, termasuk Pangkalan Data Ukur Kadaster dan Pangkalan Data Pemetaan untuk kegunaan agensi kerajaan, swasta dan orang awam secara komprehensif. Antara projek-projek pembangunan yang dilaksanakan adalah:


Pembelian Sistem Ukur Total Station <i>Purchase of Total Station Survey Systems</i>	RM 205,580
Pengautomasian Proses Kerja Topo Untuk Pemetaan <i>Automation of Topo Work Process for Mapping</i>	RM 500,000
Sistem Pangkalan Data Geodetik (SPDG) <i>Geodetic Data Base System</i>	RM 789,470
Menaik Taraf Kwarters Kakitangan Rendah <i>Upgrading of Junior Staff Quarters</i>	RM 1,236,459
Pengukuran Titik Pangkal Sempadan Maritim Negara <i>Survey of National Maritime Boundary Base Points</i>	RM 133,320
Projek Penandaan, Pengukuran dan Penyenggaraan Sempadan Antarabangsa <i>Demarcation, Survey and Maintenance of International Boundaries Project</i>	RM 4,622,670
Projek Fotografi Udara Seluruh Sabah & Sarawak dan Sistem Kawalan GPS <i>Aerial Photography covering whole of Sabah and Sarawak and GPS Control System Project</i>	RM 1,934,250
Projek Mengkontrakkan Pewujudan Pangkalan Data Ukur Kadaster <i>Contracting the Creation of Cadastral Survey Data Base Project</i>	RM 2,700,000

As much as RM 18,857,536.00 million was allocated to JUPEM to subsidize the cost of a number of development projects for the year 2005. The allocation was channelled as follows:

<i>Construction</i>	<i>RM 1.236 million</i>
<i>Supply</i>	<i>RM 4.623 million</i>
<i>Services</i>	<i>RM 12.998 million</i>

Implementation of these development projects will raise and stabilise JUPEM delivery systems. With these projects implemented, JUPEM will be able to provide a complete survey and mapping infrastructure, including the Cadastral Survey Data Base and Mapping Data Base for use of government agencies, private sectors and the public in a comprehensive manner. Amongst the development projects implemented are:

Peningkatan Keupayaan Sistem Pemetaan Berkomputer <i>Upgrading the Capabilities of the Computerised Mapping System</i>	RM 2,880,000
Infrastruktur Kawalan Tegak dan Geoid <i>Vertical Control Infrastructure and Geoid</i>	RM 37
Sistem Bagi Pusat Penyebaran Maklumat Geospasial (SPPMG) <i>Geospatial Information Dissemination Center System</i> (Single Portal JUPEM Bagi Tujuan E-Commerce) <i>(Single Portal JUPEM for E-Commerce)</i>	RM 3,855,750
• Perolehan LAN Bagi Keperluan Office Automation Ibu Pejabat JUPEM <i>Acquisition of LAN for JUPEM HQ Office Automation</i>	(RM 495,000)
• On-Line Data Backup For JUPEM Disaster Recovery Centre <i>On-Line Data Backup For JUPEM Disaster Recovery Centre</i>	(RM 3,360,750)



TAHUN <i>Year</i>	DIPUNGUT <i>Collected</i>	TIDAK DIPUNGUT <i>Not Collected</i>	JUMLAH <i>Total (RM)</i>
2005	7,554,312.74	8,406,306.50	15,960,619.24
2004	12,264,412.38	28,646,995.03	40,911,407.41
2003	10,291,117.00	5,673,076.00	15,964,193.00
2002	7,415,780.72	3,339,521.18	10,755,301.90
2001	7,966,603.00	6,747,333.00	14,713,936.00

AKTIVITI KUALITI

Quality Activities

AMANAT KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN *Annual Message from the Director-General of Survey and Mapping*

Pada 24 Januari 2005, Majlis Amanat Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan telah diadakan di Ibu Pejabat JUPEM Kuala Lumpur. Majlis ini merupakan acara tahunan di mana Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan akan menyampaikan amanat dan ucapan dasar yang menyentuh beberapa perkara berkaitan dengan program pembangunan serta kemajuan prestasi yang dicapai di samping persediaan menghadapi cabaran masa depan. Majlis ini telah dihadiri oleh semua pegawai dan kakitangan JUPEM.

On 24th January 2005, the Director-General of Survey and Mapping Annual Message Function was held at the JUPEM Headquarters in Kuala Lumpur. This function represents a yearly affair whereby the Director-General of Survey and



▲ Pegawai-pegawai kanan dan warga JUPEM sedang mendengar amanat Dato' KPUP.

Mapping will deliver his annual message and policies which will touch on a number of issues concerning development programmes as well as the progress on the performances achieved besides the preparation in facing future challenges. This function was attended by all officers and staff of JUPEM.



▲ Y. B. Dato' S. Sothinathan sedang menyampaikan ucapan perasmian mesyuarat

▲ Y. Bhg. Dato' KPUP sedang meneliti laporan-laporan yang dikemukakan dalam mesyuarat tersebut

PERSIDANGAN PENGARAH-PENGARAH UKUR *Directors of Survey Conference*

Persidangan Pengarah-Pengarah Ukur telah diadakan pada 3 - 4 Oktober 2005 di Hotel Marriott, Putrajaya. Majlis perasmianya disempurnakan oleh Y.B. Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. Sothinathan dan telah dihadiri oleh lebih 300 orang yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan agensi di bawah NRE. Persidangan ini menjadi platform perkongsian idea mengemukakan cadangan-cadangan pembaharuan serta pemodenan dalam peningkatan kualiti kerja secara keseluruhan. Sebanyak 12 kertas kerja teknikal dan pengurusan meliputi aktiviti pemetaan dan ukur kadaster telah dibentang dan dibincangkan, di samping itu dua ceramah telah disampaikan iaitu;

- Pelan Integriti Nasional
- Pelaksanaan Islam Hadhari dalam perkhidmatan awam

The Directors of Survey Conference was held from 3rd - 4th October at Marriott Hotel, Putrajaya. The ceremony was officiated by Y.B. Deputy Minister of National Resources and Environment, Dato' S. Sothinathan and was attended by over 300 people consisting of officers and staff of agencies under the NRE. This conference serves as a platform for sharing of ideas, presentation of proposals for changes as well as modernisation in upgrading the overall quality of work. As many as 12 technical and management working papers covering mapping activities and cadastral surveying were tabled and discussed, and besides that two talks were presented, that is;

- *National Integration Plan*
- *Implementation of Islam Hadhari in the public service*



▲ Dato' KPUP dan pegawai-pegawai kanan JUPEM sedang bermesyuarat

MESYUARAT PENGURUSAN JUPEM *JUPEM Management Meeting*

Pada tahun 2005, JUPEM telah mengadakan Mesyuarat Pengurusan sebanyak dua kali iaitu:

- **Mesyuarat Pengurusan JUPEM Bil. 1/2005**, pada 24 hingga 25 Januari 2005 di Ibu Pejabat JUPEM Kuala Lumpur dan
- **Mesyuarat Pengurusan JUPEM Bil. 2/2005**, pada 25 Julai 2005 di Hotel Renaissance, Melaka.

Mesyuarat ini bertujuan untuk membincangkan serta mengkaji semula keseluruhan prestasi kerja JUPEM bagi tahun ini. Dengan adanya mesyuarat tersebut, jabatan boleh membuat perancangan dan kajian semula kiranya perlu terhadap prestasi, unjuran dan prosedur atau kaedah kerja semasa untuk masa-masa akan datang.

For the year 2005, JUPEM held two Management Meetings, that is:

- ***JUPEM Management Meeting No. 1/2005*** 24th until 25th January 2005 at JUPEM Headquarters in Kuala Lumpur and
- ***JUPEM Management Meeting No. 2/2005*** 25th July 2005 at Renaissance Hotel, Melaka.

The purpose of the meeting was to discuss as well as to review JUPEM's overall work performances for the year. With this meeting, the department will be able to carry out its planning and revision, if necessary, concerning its performances, projections and procedures or current work methods for the future.

MAJLIS BERSAMA JABATAN

Joint Departmental Councils

Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) JUPEM, perjumpaan antara pihak pengurusan dan pekerja bagi meningkatkan kerjasama dan ke arah mewujudkan suasana kerja yang kondusif dan harmoni.

Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) JUPEM telah diadakan pada 8 Mac 2005 di Ibu Pejabat JUPEM. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan dan dihadiri oleh pihak Pengurusan Tertinggi JUPEM serta wakil kakitangan.

MBJ adalah merupakan saluran di mana kakitangan dapat menyuarakan hal-hal mengenai kebajikan mereka kepada pihak pengurusan tertinggi jabatan dalam menjayakan aktiviti-aktiviti agensi. Ini hendaklah diiringi dengan usaha sama menyumbang sesuatu yang lebih baik terhadap aktiviti Jabatan.

The meeting of JUPEM's Joint Departmental Councils (MBJ), is a meeting between the management and staff to increase cooperation towards the creation of a conducive and harmonious working atmosphere.

The meeting of JUPEM's Joint Departmental Councils (MBJ) was held on 8th March 2005 at JUPEM's Headquarters. The Meeting was chaired by the Director-General of Survey and Mapping and was attended by JUPEM's Top Management as well as staff representatives.

MBJ represents a channel whereby the staff is able to express issues concerning their welfare to the department's top management in ensuring success in the agency's activities. This is to be accompanied with joint efforts in contributing something much better to the Department's activities.

SEMINAR/CERAMAH *Seminars/Talks*

Kakitangan JUPEM sentiasa didedahkan kepada teknologi serta maklumat terkini menerusi seminar-seminar dan ceramah-ceramah khususnya dalam disiplin ukur dan pemetaan yang diadakan dari semasa ke semasa. Melalui seminar/ceramah ini, tahap profesionalisme dan pengalaman warga JUPEM dapat ditingkatkan lagi. Dengan adanya ceramah/seminar ini, kakitangan JUPEM sentiasa mengikuti perkembangan teknologi serta maklumat yang berlaku dalam bidang ukur dan pemetaan.

Bagi memenuhi keperluan rohani dan motivasi diri, ceramah-ceramah berunsurkan keagamaan juga diadakan di JUPEM. Ceramah-ceramah ini adalah untuk mewujudkan budaya interaksi dan komunikasi di kalangan pegawai/kakitangan dengan lebih berkesan. Di antara pilihan topik-topik ceramah dalam jadual pengajian di surau Ibu Pejabat JUPEM, Kuala Lumpur adalah meliputi tajuk umum, tasawuf, tafsir, motivasi, tazkirah dan muhimmah.

Ceramah-ceramah ini kebiasaan dijalankan pada waktu rehat iaitu dari pukul 1:00 hingga 2:00 petang bertempat di surau JUPEM. Bagi ceramah bulanan seperti ceramah Hari Pekerja, Maulidur Rasul dan Hari Kemerdekaan, diadakan di Dewan Ukur Ibu Pejabat JUPEM pada pukul 9:00 hingga 10:00 pagi. Penceramah-penceramah adalah terdiri daripada pegawai JUPEM dan juga penceramah luar. Penganjuran ceramah bulanan JUPEM adalah mengikut garis panduan Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 2001.



JUPEM's staff are always exposed to technology as well as the latest information via seminars and talks from time to time, specifically in the survey and mapping disciplines. Through these seminars/talks, the level of professionalism and experience of JUPEM's staff is further upgraded. With the holding of such seminars/talks, JUPEM's staff will always be able to follow the technological advancement as well as information that is happening in the field of survey and mapping.

To fulfill the spiritual needs and self motivation, talks based on religious overtones were also held. Such talks is to instill the culture of interaction and communication among the officers/staff more effectively. Amongst the selected talk topics in the scheduled studies at JUPEM Headquarters surau, Kuala Lumpur were titled Umum, Tasawuf, Tafsir, Motivasi, Tazkirah and Muhimmah.

Such talks are normally held during lunch breaks between 1:00 pm until 2:00 pm at JUPEM's surau. Monthly talks such as Workers Day, Maulidur Rasul and Independence Day are held at Dewan Ukur, JUPEM's headquarters from 9:00 am until 10:00 am. Speakers consist of JUPEM's officers and also outsiders. The holding of JUPEM's monthly talks is in accordance to the guidelines of the General Orders No. 2/2001.

SAMBUTAN HARI KUALITI *Quality Day Celebration*

Penerapan nilai-nilai kualiti di kalangan warga JUPEM adalah merupakan usaha serius jabatan secara berterusan. Sehubungan dengan itu, Majlis Sambutan Hari Kualiti diadakan secara berasingan di setiap JUPEM Negeri sepanjang tahun 2005.

Sambutan Hari Kualiti yang diadakan setiap tahun adalah untuk melihat dan merealisasikan peningkatan kualiti dan produktiviti jabatan di sepanjang tahun. Budaya kerja cemerlang di kalangan penjawat awam adalah sangat penting bagi mencapai kecemerlangan dalam Perkhidmatan Awam.

JUPEM telah mencapai kejayaan melalui pelbagai pengiktirafan dan persijilan seperti MS ISO 9001 dan MS ISO 9002, namun begitu JUPEM akan terus berusaha meningkatkan kualiti untuk memenuhi kehendak pelanggan. Antara program-program Sambutan Hari Kualiti anjuran JUPEM Negeri yang diadakan adalah pembacaan ikrar, ceramah hari Q, pameran Hari Q dan anugerah juga diberi kepada kakitangan sebagai menghargai komitmen yang telah disumbangkan. Beberapa pertandingan Hari Kualiti seperti slogan Q, sistem maklumat Q dan Inovasi Q diadakan bagi meningkatkan kesedaran dan komitmen kakitangan terhadap nilai-nilai dan falsafah kualiti.

The instilling of quality values among JUPEM's staff represent the department's seriousness in continuing such efforts. As such, the Quality Day Celebrations were held separately at each State JUPEM throughout 2005.

Quality Day Celebrations that are being held every year is to observe and realise the increase in quality and productivity of the department throughout the year. The culture of excellent work among those holding public posts is very important to achieve excellence in the Public Service.

JUPEM's achievement is proven through various recognition and certificates such as MS ISO 9001 and MS Amongst the programmes held during the Quality Day celebrations organised by the State JUPEM's were oath pledging, Q day talks, Q day exhibitions and awards were also given to the staff in appreciation to the commitment contributed. Several Quality Day competitions such as Q slogan, Q information system and Q innovation were held to raise the realisation and commitment of the staff on the values and philosophies of quality.





1



2



3



1 Salah seorang pengawal keselamatan menerima sijil yang disampaikan oleh TKS II, Dato' Baba

2 Kumpulan koir JUPEM sedang membuat persembahan

3 Sebahagian daripada warga JUPEM yang menerima APC 2004

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG DAN ANUGERAH KHAS KPUP *Excellent Service Awards and DGSM Special Awards*

Pada 9 Mei 2005 bertempat di Hotel De Palma, Ampang, Selangor, JUPEM telah mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Anugerah Khas KPUP sebagai mengiktiraf dan menghargai sumbangan cemerlang pegawai serta kakitangan. Seramai 383 orang kakitangan telah dianugerahkan dengan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan 5 orang dianugerahkan dengan Anugerah Khas KPUP. Di samping itu, JUPEM juga telah mencalonkan kakitangan untuk menerima anugerah pingat kebesaran di peringkat negeri dan juga kebangsaan.

On 9th May 2005 at Hotel De Palma, Ampang, Selangor, JUPEM held its Excellent Service Awards and DGSM Special Awards Ceremony as a recognition and appreciation to the excellent contribution of the officers and staff. 383 staff were awarded the Excellent Service Awards and 5 staff were awarded the DGSM Special Awards. Besides that, JUPEM also nominated its staff to receive medal awards at State and National levels.

ANUGERAH KUALITI Quality Awards

JUPEM tidak ketinggalan menyertai program anugerah kualiti pada setiap tahun. Pada tahun ini, bagi menguji sejauh mana kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh JUPEM kepada semua pihak, Pengurusan JUPEM telah menyertai pencalonan penganugerahan yang dianjurkan pihak MAMPU. Jabatan tersebut merupakan agensi yang bertanggungjawab dalam pemodenan agensi-agensi kerajaan dan swasta melalui program penganugerahan dalam pelbagai kategori sebagai pengiktirafan dan motivasi kepada jabatan untuk terus maju dan dapat memberi perkhidmatan yang lebih berkualiti.

Antara penyertaan yang disertai oleh JUPEM pada tahun 2005 adalah seperti berikut:-

JUPEM has never been left behind in participating in quality award programmes every year. For this year, to test the extent of the quality service rendered by JUPEM to all parties, JUPEM participated as a candidate for the awards organised by MAMPU. MAMPU is the agency that is responsible for the modernisation of government agencies and the private sectors through its awards programmes in various categories as a recognition and motivation to departments to continue to progress and be able to provide better quality services.

Amongst those participated by JUPEM in 2005 are as follows:-

TAHUN 2005 (Year 2005)		
KATEGORI <i>Category</i>	PERINGKAT <i>Level</i>	CATATAN <i>Remarks</i>
Anugerah Kualiti Perdana Menteri <i>Prime Minister Quality Award</i>	Kebangsaan <i>National</i>	Penyertaan <i>Participant</i>
Anugerah Kualiti Perkhidmatan Awam <i>Public Service Quality Award</i> (Seksyen Topografi Sabah) <i>(Topographical Section Sabah)</i>	Negeri <i>State</i>	Pemenang <i>Winner</i>

AKTIVITI LUAR

Extra Morale Activities

Jabatan sentiasa peka dengan kebajikan warga JUPEM khususnya dalam aktiviti sukan, riadah, sosial dan kebajikan. Melalui kelab sukan dan kebajikan di jabatan masing-masing yang bernaung di bawah Majlis Sukan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (MSJU), kakitangan JUPEM digalakkan menyertai sebarang bentuk sukan atau riadah bagi mengeratkan persahabatan dan kekeluargaan serta meningkatkan kesihatan dan jasmani.

Pesta Sukan Ukur Se Malaysia (PESUMA) ke 27 telah diadakan di Kuala Terengganu, Terengganu pada 6 – 9 Ogos 2005. Pesta sukan dwi tahunan ini berjaya mengumpulkan semua kontinjen JUPEM seluruh Malaysia termasuk kontinjen jemputan dari Jabatan Tanah dan Ukur (TANKUR) Sabah dan Jabatan Ukur Negara Brunei Darussalam.

Warga JUPEM juga terlibat dalam acara sukan yang dianjurkan oleh Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota Kerajaan Malaysia (MAKSAK), Sukan NRE, sukan anjuran ISM dan lain-lain sukan persahabatan. Terdapat juga di kalangan warga JUPEM yang telah menyertai aktiviti mendaki Gunung Kinabalu yang dianjurkan oleh kelab sukan dan kebajikan.

The Department is always sensitive to the welfare of JUPEM's staff especially in sports, exercises, social and welfare activities. Through each of the Department's sports and welfare clubs under the control of the Department of Survey and Mapping Sports Council (MSJU), JUPEM's staff are encouraged to participate in any form of sports or exercises to strengthen the friendship and family ties as well as to uplift health and physical fitness .

The 27th Malaysian Survey Sports Carnival (PESUMA) was held in Kuala Terengganu, Terengganu from 6th - 9th August 2005. The sports carnival which is held once every two years is successful in bringing in all of JUPEM's contingent

around Malaysia including those invited contingents from the Department of Land and Survey, Sabah (TANKUR) and the National Department of Survey, Brunei Darussalam.

JUPEM's staff were also involved in sports programmes organised by the Malaysian Government Staff Welfare and Sports Council (MAKSAK), NRE sports, sports organised by ISM and other friendship sports. There are also JUPEM's staff who have participated in climbing Mount Kinabalu, organised by the sports and welfare club.





HARI BERTEMU PELANGGAN

Open Day

Dalam memperkenalkan perkhidmatan serta produk JUPEM kepada orang awam, pihak jabatan telah mengambil inisiatif dengan menyertai pameran-pameran yang diadakan oleh kementerian, jabatan dan juga negeri. Pameran ini bertujuan untuk memberi pendedahan serta maklumat kepada orang awam mengenai produk serta perkhidmatan yang ditawarkan oleh JUPEM.

Di samping itu juga, daripada pameran ini diharap dapat mengeratkan hubungan antara pelanggan dan Jabatan melalui amalan membudayakan layan mesra pelanggan yang boleh meningkatkan imej Jabatan pada keseluruhannya.

In introducing the services and products of JUPEM to the public, the Department's authorities have taken the initiative to participate in exhibitions organised by ministries, departments and also states. These exhibitions were intended to give exposure as well as information to the public regarding services and products offered by JUPEM.

Besides that, from such exhibitions it is hoped that the relationship between the department and its customers is strengthened through its cultural practice of paying close attention to its customers which will enhance the overall image of the department.



BAHAGIAN PEMETAAN

Mapping Division

Aktiviti Bahagian Pemetaan dilaksanakan berasaskan kepada dasar dan strategi pemetaan negara yang diputuskan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pemetaan dan Data Spatial Negara (JPDSN) yang ditubuhkan melalui keputusan Kabinet pada tahun 1965. Melalui keputusan dasar dan strategi ini, membolehkan peta-peta di terbit dan dibekalkan untuk kegunaan awam dan Angkatan Tentera Malaysia. Seterusnya melalui keputusan yang sama juga, membolehkan JUPEM mewujudkan Pangkalan Data Topografi dan Kartografi Berdigit Kebangsaan.

The activities of the Mapping Division were implemented based on the nation's mapping and strategy policies that was decided upon at the Meeting of the National Mapping and Spatial Data Committee (JPDSN) which was established in 1965 following the Cabinet's decision. Through these policies and strategies, it allowed maps to be published and supplied for use of the public and the Malaysian Armed Forces. Following that same decision, it allowed JUPEM to create a National Digital Topographic and Cartographic Data Base.





▲ Proses pendigitan stereo dan penyuntingan data dijalankan melalui Sistem Pemetaan Berkomputer (CAMS)

Di samping penerbitan dan pembekalan peta, Bahagian Pemetaan juga mengendalikan ukuran hidrografi, geodesi serta menjalankan penandaan dan pengukuran sempadan negeri-negeri di Semenanjung dan antarabangsa (darat dan maritim) Malaysia dengan negara-negara jiran.

Pangkalan Data Topografi dan Kartografi Kebangsaan yang diwujudkan boleh menyalurkan data-data ke pelbagai media seperti cakera padat dan pita data bagi memenuhi keperluan pengguna. Melalui kaedah ini jabatan dan agensi kerajaan serta pihak swasta telah dapat menggunakan kemudahan yang disediakan oleh JUPEM bagi membangunkan Sistem Maklumat Geografi (GIS) dan Sistem Maklumat Tanah (LIS) mereka. JUPEM sentiasa mengkaji dalam meningkatkan keupayaan dengan membangunkan beberapa sistem baru bagi menghasilkan produk baru seperti imej berdigit, peta ortofoto, peta elektronik serta data topografi dan geodetik berdigit yang memenuhi kehendak pengguna untuk kerja-kerja penyelidikan saintifik, geodinamik dan lain-lain.

Besides the publication and supply of maps, the Mapping Division also manages hydrographic and geodetic surveys as well as carrying out the demarcation and survey of state boundaries in the Peninsular and international boundaries (land and maritime) between Malaysia and her neighbors.

The National Topographic and Cartographic Data Base created is able to channel its data through various media such as CDs and data tapes to fulfill the users needs. Through this method government departments and agencies as well as the private sectors will be able to make use of this facility provided by JUPEM to develop their Geographical Information Systems (GIS) and Land Information Systems (LIS). JUPEM is always studying ways of increasing its capability by developing of a number of new systems to produce new products such as digital images, orthophoto maps, electronic maps as well as the topographic and cartographic digital data that fulfills the user's requirements for scientific, geodynamic and other researches.

SEMPADAN ANTARABANGSA MALAYSIA-THAILAND

Malaysia-Thailand International Boundary

Penandaan dan pengukuran sempadan antarabangsa Malaysia-Thailand dijalankan secara bersama dengan Royal Thai Survey Department (RTSD). Penandaan dan pengukuran sempadan darat Malaysia-Thailand sepanjang 551.5 km telah dimulakan pada 6 Julai 1973 dan siap pada 26 September 1985.

Sehubungan itu ukuran penyelenggaraan sempadan perlu dijalankan secara berterusan bagi memastikan tanda-tanda sempadan yang telah ditanam sebelum ini sentiasa berada dalam kedudukan baik. Bagi tahun 2005, sepanjang 17 km kawasan persempadanan telah diuruskan ukuran penyelenggaraan, iaitu seperti berikut :

The demarcation and survey of the Malaysia-Thailand international boundary was carried out jointly with the Royal Thai Survey department (RTSD). The demarcation and survey of the Malaysia-Thailand land boundary with a length of 551.5 km commenced on 6th July 1973 and completed on 26th September 1985.

In relation to that, boundary maintenance surveys were required to be carried out continuously to ensure that boundary marks planted before this is always in good condition. For the year 2005, maintenance surveys were carried out along 17kms of the boundary areas as follows :

AKTIVITI <i>Activity</i>	PENCAPAIAN <i>Achievement</i>
Ukuran Penyelenggaraan Sempadan Antarabangsa Malaysia-Thailand Seksyen E (BP 20A – BP 23) bagi Kawasan Keutamaan III <i>Maintenance survey along Malaysia-Thailand International Boundary Section E (BP 20A – BP 23) for Priority Area III</i>	5.4 km <i>kms</i>
Ukuran Penyelenggaraan Sempadan Antarabangsa Malaysia-Thailand Seksyen F (BP 23 – BP 23/77) bagi Kawasan Keutamaan III <i>Maintenance survey along Malaysia-Thailand International Boundary Section F (BP 23 – BP 23/77) for Priority Area III</i>	4.7 km <i>kms</i>
Ukuran Penyelenggaraan Sempadan Antarabangsa Malaysia-Thailand Seksyen G (BP 23/77 – BP 26) bagi Kawasan Keutamaan III <i>Maintenance survey along Malaysia-Thailand International Boundary Section G (BP 23/77 – BP 26) for Priority Area III</i>	6.3 km <i>kms</i>
Ukuran Penyelenggaraan Sempadan Antarabangsa Malaysia-Thailand di sekitar Durian Burong (BP 30/28 – BP 31/3) bagi Kawasan Keutamaan IX B <i>Maintenance survey along Malaysia-Thailand International Boundary around Durian Burong (BP 30/28 – BP 31/3) for Priority Area IXB</i>	0.8 km <i>kms</i>

Dalam pada itu, ukuran penetapan sempadan Malaysia – Thailand di sepanjang Sungai Golok yang dirancang untuk dilaksanakan dalam tahun 2005 telah tidak dapat diuruskan oleh kerana keadaan keselamatan yang tidak menentu di Selatan Thailand.

Besides that, the survey to fix the Malaysia-Thailand boundary along the Golok River which was planned to be implemented in 2005 could not proceed because of the unstable security situation in Southern Thailand.



▲ Kakitangan Seksyen Topografi sedang menjalankan pengukuran penetapan sempadan di sebatang sungai.

SEMPADAN ANTARABANGSA MALAYSIA-INDONESIA

Malaysia-Indonesia International Boundary

Selaras dengan keputusan Mesyuarat ke-34 Jawatankuasa Teknikal Bersama bagi Projek Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama Malaysia-Indonesia yang telah diadakan di Genting Highlands, Pahang pada 12-14 Oktober 2004, perancangan telah dibuat untuk menjalankan ukuran penyelenggaraan melibatkan Kawasan Keutamaan I (A-C) dari A1-A156 (29.3 km), Kawasan Keutamaan IV (I-J) dari I617-J01 (25.0 km) dan mencabut tiga tanda sempadan di Kawasan Keutamaan XIX (U-V) bagi tanda sempadan V1434, V1435 dan V1436 pada tahun 2005.

In accordance with the decision of the 34th Meeting of the Joint Technical Committee on the Joint Malaysia-Indonesia Boundary Demarcation and Survey Project that was held in Genting Highlands, Pahang from 12th – 14th October 2004, plans were made to carry out maintenance surveys involving Priority Area I (A-C) from A1-A156 (29.3 km), Priority Area IV (I-J) from I617-J01 (25.0 km) and to pull out three boundary marks V1434, V1435 and V1436 in Priority Area XIX (U-V) for the year 2005.

Pencapaian pengukuran penyelenggaraan sempadan antarabangsa Malaysia-Indonesia bagi tahun 2005 adalah seperti berikut:

Achievement in maintenance surveys along the Malaysia-Indonesia international boundary for the year 2005 is as follows:

KAWASAN <i>Area</i>	STATUS <i>Status</i>
Kawasan Keutamaan IV (I-J) dari I617-J 01 (25.0km) <i>Priority Area IV (I-J) from I617 – J01 (25.0km)</i>	Pengukuran bermula pada Jun 2005 dan disiapkan pada September 2005 <i>Survey commenced in Jun 2005 and completed in September 2005</i>
Kawasan Keutamaan II (B-C) Sub Sektor B100-B1800 (42.6 km) <i>Priority Area II (B-C) Sub Sector B100-B1800 (42.6km)</i>	Pengukuran telah dimulakan pada Julai 2005 dan selesai pada Oktober 2005 <i>Survey commenced in July 2005 and completed in October 2005</i>
Kawasan Keutamaan XIX (U-V) - mencabut tiga tanda sempadan V1434, V1435 dan V1436 <i>Priority Area XIX (U-V) – pulled out three boundary marks V1434, V1435 and V1436</i>	Pengukuran ditangguhkan akibat tragedi nahas helikopter yang meragut tiga nyawa termasuk seorang anggota JUPEM Sarawak . <i>Survey was postponed as a result of the tragic helicopter accident that claimed three lives including a member of JUPEM Sarawak.</i>

SEMPADAN ANTARABANGSA MALAYSIA-INDONESIA <i>Malaysia - Indonesia International Boundary</i>			
AKTIVITI <i>Activity</i>	TOPOGRAFI SARAWAK <i>Topography Sarawak</i>	TOPOGRAFI SABAH <i>Topography Sabah</i>	JUMLAH <i>Total</i>
Ukuran Penyelenggaraan <i>Maintenance Survey</i>	25.0 km	42.6 km	67.6 km



▲ Delegasi Malaysia dan Indonesia bertukar Dokumen Memorandum Persefahaman Persempadanan



SEMPADAN ANTARA NEGERI-NEGERI *State Boundary*

Perancangan dalam tahun 2005 adalah bagi menjalankan penandaan dan pengukuran ke atas sempadan antara negeri-negeri Pahang-Selangor di kawasan keutamaan 'A' dari Lot 3873 Mukim Bentung melalui Trig. Gunung Sempah, Trig. Gunung Nuang hingga ke Titik Pertemuan Sempadan Negeri-negeri Perak, Pahang dan Selangor meliputi jarak sejauh 19.0 km dan sempadan negeri Pahang – Negeri Sembilan sejauh 43.0 km.

Walau bagaimanapun pengukuran ke atas sempadan antara negeri-negeri Pahang-Selangor tidak dapat dilaksanakan kerana kerajaan-kerajaan negeri yang terbabit belum membuat sumbangan kepada Tabung Amanah Projek Pengukuran Sempadan Antara Negeri bagi membiayai pelaksanaan kerja berkenaan.

The planning in 2005 was to carry out demarcation and survey of the state boundary between the states of Pahang and Selangor in Priority Area 'A' from Lot 3873 Mukim Bentung through Gunung Sempah Trig., Gunung Nuang Trig. until the meeting point of the Perak, Pahang and Selangor state boundaries covering a distance of 19.0 km and the Pahang-Negeri Sembilan boundary with a distance of 43.0 km.

However, the survey on the boundary between the states of Pahang-Selangor could not be implemented because the state governments involved have not yet contributed to the State Boundaries Survey Project Trust Fund to finance the implementation of the work concerned.

SISTEM PENENTUDUDUKAN SEJAGAT *Global Positioning System (GPS)*



Pelaksanaan aktiviti pengukuran GPS bagi tahun 2005 adalah seperti berikut:

- i. Aktiviti lebih tertumpu kepada cerapan bagi pelaksanaan CCS dan di atas Tanda Aras (BM) bagi memantapkan lagi gravimetrik yang sedia ada. Sejumlah 619 stesen telah dicerap menerusi aktiviti meliputi beberapa kawasan di Semenanjung.
- ii. Kerja-kerja penyelenggaraan dan pengoperasian sebanyak 36 set data cerapan iaitu daripada 18 stesen Malaysia Active GPS System - MASS di seluruh negara yang dilaksanakan dua kali setahun. Di samping itu, sejumlah 6570 set data harian dan 939 set data mingguan/tahunan daripada stesen-stesen tersebut telah diproses.
- iii. Kerja-kerja penyelenggaraan dan pengoperasian stesen Real Time Kinematic (RTK) untuk kegunaan MyRTKNet yang telah dilancarkan dan beroperasi pada Mei 2005. Kerja-kerja penyelenggaraan dijalankan 2 kali setahun melibatkan 27 stesen RTK seluruh negara. Ini juga melibatkan kerja-kerja pemprosesan data-data mingguan dan harian, iaitu masing-masingnya sebanyak 1404 set data dan 9855 set data.

Implementation of GPS survey activities for the year 2005 are as follows:

- i. Activities were mostly concentrated on observations for the implementation of CCS and on top of Bench Marks (BM) to further strengthen the existing gravimetric data. A total of 619 stations were observed through activities covering several locations in the Peninsular.*
- ii. The maintenance and operation works on as many as 36 observed data sets, that is, 18 stations from the Malaysia Active GPS System – MASS covering the whole country was carried out twice a year. Besides that, a total of 6570 daily data sets and 939 weekly/yearly data sets from these stations were processed.*
- iii. The maintenance and operation works on Real Time Kinematic (RTK) stations for use of MyRTKNet that was launched and became operational in May 2005. Maintenance works is carried out twice a year involving 27 RTK stations nationwide. It also involves the processing of weekly and daily data, that is, as many as 1404 data sets and 9855 data sets respectively.*

UKURAN TITIK KAWAL *Control Point Survey*

Pada awal tahun 2005, kerja-kerja penyudahan padang dijalankan dengan menggunakan Konsep Pemetaan Field To Finish iaitu dengan kaedah CATMAPS. 247 stesen telah ditetapkan sebagai sasaran kerja tahunan (SKT) tahun 2005. Sehingga 31 Disember 2005, pencapaian aktiviti ini dari segi bilangan stesen adalah seperti berikut :

UKURAN TITIK KAWAL (Control Point Survey)	
SIRI <i>Series</i>	STESEN <i>Stations</i>
L7030	74
L905	71
Pulau-Pulau (Skala Besar) <i>Islands (Large Scale)</i>	10
Titik Pangkal (<i>Base Point</i>)	1
T738	149
T931	84
JUMLAH / Total	389 (157%)

In early 2005, field completion surveys were carried out using the Mapping Field to Finish Concept, that is, CATMAPS. 247 stations were being designated as the annual work target in 2005. Until 31st December 2005, the activities achieved in terms of the number of stations are as follows:



CERAPAN AIR PASANG SURUT *Tidal Observations*

Terdapat 20 buah stesen cerapan air pasang surut yang beroperasi di seluruh negara iaitu 12 di Semenanjung, 6 di Sabah dan 2 di Sarawak bagi mendapatkan nilai aras purata laut.

Bagi tahun 2005, sebanyak 24 set data cerapan telah ditetapkan bagi stesen-stesen cerapan Air Pasang Surut di Bintulu dan Kuching, Sarawak dan 72 set data cerapan di Labuan, Kota Kinabalu, Kudat, Sandakan, Lahad Datu dan Tawau, Sabah. Manakala 144 set data cerapan di Semenanjung.

There are altogether 20 tidal stations in operation around the country, that is, 12 in the Peninsular, 6 in Sabah and 2 in Sarawak to determine the mean sea level.

For the year 2005, as many as 24 observed data sets were determined for the tidal stations at Bintulu and Kuching in Sarawak and 72 observed data sets at Labuan, Kota Kinabalu, Kudat, Sandakan, Lahad Datu and Tawau in Sabah, and 144 observed data sets in Peninsular.

Pencapaian aktiviti cerapan air pasang surut bagi tahun 2005 adalah seperti berikut :

The achievement in tidal observation activities for the year 2005 are as follows:

CERAPAN AIR PASANG SURUT (Tidal Observations)		
KAWASAN <i>Series</i>	BIL. STESEN <i>Stations</i>	DATA CERAPAN (SET) <i>Observed Data (sets)</i>
Semenanjung <i>Peninsular</i>	12	144 (100%)
Sarawak	2	24 (100%)
Sabah	6	72 (100%)
JUMLAH / Total	20	240

Data-data yang diperolehi daripada aktiviti cerapan ini diproses dan didokumenkan dalam buku sebagai terbitan tahunan JUPEM berkaitan dengan air pasang surut iaitu Rekod Cerapan 2005 dan Jadual Ramalan 2007. Buku Rekod Cerapan dan Jadual Ramalan ini adalah untuk edaran kepada agensi-agensi tempatan dan luar negara yang memerlukannya.

Data obtained from observation activities were processed and documented into books to be published as JUPEM's annual publication concerning tides, that is, Observation Records 2005 and Prediction Tables 2007. The Observation Records 2005 and Prediction Tables 2007 books are for distribution to local and foreign agencies that requires them.

Sasaran dokumentasi data berkaitan cerapan Air Pasang Surut yang ditetapkan bagi tahun 2005 adalah bagi menerbitkan satu set Buku Jadual Ramalan Air Pasang Surut. Setakat 31 Disember 2005, Buku Jadual Ramalan Air Pasang Surut 2007 telah diterbitkan satu set buku.

The target set for the documentation of data concerning tidal observations for the year 2005 is to publish one set of Tidal Prediction Tables Book. Until 31st December 2005, the Tidal Prediction Tables Book 2007 was published one set book.

Manakala setakat 31 Disember 2005 pula Penyediaan Buku Rekod Cerapan Air Pasang Surut 2004 telah diterbitkan satu set buku.

Whereas as of 31st December 2005, Tidal Observation Records Book 2004 was published one set book.





PENGUKURAN ARAS

Levelling

Pengukuran aras dilakukan bagi mendapatkan nilai aras purata laut pada tanda aras yang menghubungkan stesen-stesen cerapan air pasang surut. Ia dibahagikan kepada dua iaitu Ukuran Aras Jitu dan Ukuran Aras Kelas Kedua. Setakat 31 Disember 2005 ukuran dan prosesan ukuran aras jitu dan ukuran aras kelas kedua adalah seperti berikut:

Levelling is carried out to determine the mean sea level values of bench marks connected to tidal observation stations. It is divided into two, that is, Precise Levelling and Second Class Levelling. As of 31st December 2005 the survey and processing of precise levelling and second class levelling are as follows:

PROSESAN DATA UKURAN ARAS JITU <i>Processing of Precise Levelling Data</i>					
AKTIVITI <i>Activity</i>	TOPOGRAFI SEMENANJUNG <i>Topography Peninsular</i>	TOPOGRAFI SARAWAK <i>Topography Sarawak</i>	TOPOGRAFI SABAH <i>Topography Sabah</i>	GEODESI <i>Geodesy</i>	JUMLAH <i>Total</i>
Kerja luar <i>Fieldwork</i>	1590 (176%)	87 (174%)	321 (103%)	-	1998 (151%)
Prosesan <i>Processing</i>	-	-	-	896 (112%)	896 (112%)

UKURAN DAN PROSESAN DATA UKURAN ARAS KELAS KEDUA <i>Survey and Processing of Second Class Levelling Survey Data</i>					
AKTIVITI <i>Activity</i>	TOPOGRAFI SEMENANJUNG <i>Topography Peninsular</i>	TOPOGRAFI SARAWAK <i>Topography Sarawak</i>	TOPOGRAFI SABAH <i>Topography Sabah</i>	GEODESI <i>Geodesy</i>	JUMLAH <i>Total</i>
Kerja luar <i>Fieldwork</i>	1195 (150%)	206 (137%)	226 (105%)	-	1627 (131%)
Prosesan <i>Processing</i>		-		873 (109%)	873 (109%)

UKURAN GRAVITI *Gravity Surveys*

Ukuran graviti yang dijalankan terbahagi kepada tiga tertib berasaskan kepada kejituan ukuran berkenaan iaitu tertib pertama, kedua dan ketiga. JUPEM menggunakan maklumat graviti bagi menghasilkan pembetulan ortometrik dalam kerja ukur aras jitu dan juga bagi menghasilkan *geoid undulation* untuk pemetaan jitu. Nilai-nilai ini boleh dijadikan sebagai datum ketinggian kepada kerja-kerja ukur dan pemetaan, penyelidikan serta kajian saintifik.

Dalam tahun 2005, tumpuan diberikan kepada ukuran graviti tertib pertama dan ketiga. Sebanyak 100 stesen telah dicerap dan diproses iaitu seperti berikut:



Gravity surveys that were carried out is divided into three orders based on the precision of survey concerned, that is, first, second and third orders. JUPEM makes use of the gravity information to produce orthometric corrections for precise levelling surveys and to produce the geoid undulation for precise mapping. These values can be used as height datum for survey and mapping works, research as well as scientific studies.

In 2005, emphasis was given to first and third order gravity surveys and as many as 100 stations were observed and processed; that is as follows :

UKURAN GRAVITI <i>Gravity Survey</i>	
TEMPAT <i>Place</i>	STESEN <i>Stations</i>
Stesen SIRIM (Tertib Pertama) <i>SIRIM Station (First Order)</i>	4
Makmal SAS Aviation (Tertib Pertama) <i>SAS Aviation Lab (First Order)</i>	4
Johor (Tertib Ketiga) <i>Johor (Third Order)</i>	92
JUMLAH / Total	100 (100%)

ASTRONOMI


Astronomy

JUPEM telah memainkan peranannya dalam menjalankan aktiviti ukur dalam bidang Astronomi dan Falak Syarie seperti penentuan arah kiblat, waktu solat bagi negeri-negeri, Takwim Islam Malaysia, waktu matahari terbit dan terbenam, dan cerapan hilal bagi penentuan Ramadan, Syawal dan Zulhijah.

Dalam tahun 2005, penyediaan data-data cerapan astronomi bagi penentuan awal bulan Ramadan, Syawal dan Zulhijah tahun Hijrah 1425 telah dicapai sepenuhnya ke atas 28 stesen cerapan.

JUPEM has played its role in conducting survey activities in the field of Astronomy and Falak Syarie such as determination of direction to the kiblat, prayer times for all states, Takwim Islam Malaysia, times of sunrise and sunset and hilal observations to determine Ramadan, Syawal and Zulhijah.

In 2005, the preparation of astronomical observations data to determine the beginning of Ramadan, Syawal and Zulhijah for the year 1425 Hijrah was fully completed for 28 observation stations.



▲ Alat teodolit digunakan untuk melihat anak bulan bagi penentuan Ramadan, Syawal dan Zulhijah.

PENCETAKAN PETA

Map Production

Melalui pemodenan sistem pemetaan, JUPEM telah berjaya menghasilkan produk-produk pemetaan dalam bentuk berdigit yang menjadi keperluan asas bagi aplikasi Sistem Maklumat Geografi (GIS) seperti peta topografi berdigit, model ketinggian berdigit dan peta ortofoto. Seluruh negara juga telah dapat dipetakan dengan pelbagai siri skala peta yang terdiri daripada 1:50,000, 1:25,000 dan 1:3,000 - 1:12,500. Dengan adanya sistem pengkomputeran, telah berlaku peningkatan dalam hasil pemetaan. Sistem Pemetaan Laju (FMS) pula dapat memenuhi permintaan dari Angkatan Tentera Malaysia (ATM) khususnya Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan Bahagian Staf Perisikan Pertahanan (BSPP) dalam mendapatkan data pemetaan berdigit mengikut spesifikasi ketenteraan.



Through modernisation of the mapping systems, JUPEM was successful in producing mapping products in digital form which is the basic requirement for Geographical Information System (GIS) applications such as digital topographical maps, digital terrain model and orthophoto maps. The whole country was also mapped in a variety of map scales such as 1:50,000, 1:25,000 and 1:3,000 – 1:12,500. With the availability of computerised systems, there was an increase in mapping products. Fast Mapping System (FMS) was able to satisfy the needs of the Malaysian Armed Forces (ATM), in particular the Royal Malaysian Air Force (TUDM) and the Defense Intelligence Staff Division (BSPP) in obtaining digital mapping data according to military specifications.



KEMAJUAN BERASASKAN GAMBAR UDARA <i>Progress Based on Aerial Photographs</i>	
Siri <i>Series</i>	Jumlah Lembar <i>Total Sheets</i>
Penyediaan Foto Udara <i>Production of Aerial Photographs</i>	144 (144%)
Penyediaan Cetak Lepak <i>Production of Contact Prints</i>	144 (144%)
Pemilihan Titik Kawal <i>Selection of Control Points</i>	117 (117%)
Penyediaan Peta Ortofoto <i>Production of Orthophoto Maps</i>	46 (115%)
Penyediaan Plot Penyudahan Padang <i>Production of Field Completion Plots</i>	93 (100%)
Penyediaan Data Ortorektifikasi SPOT5 <i>Production of SPOT5 Ortho-rectification Data</i>	10 (100%)
Penyediaan Data untuk Tentera (BSPP, TUDM dan CPP) <i>Production of Data for Military</i>	91 (91%)

KEMAJUAN PANGKALAN DATA UKUR TOPOGRAFI DAN KARTOGRAFI DAN MIGRASI DATA KE PANGKALAN DATA GOTHIC <i>Progress on Topographic and Cartographic Survey Data Base and Migration of Data to Gothic Data Base</i>		
Siri <i>Series</i>	Skala <i>Scale</i>	Jumlah Lembar <i>Total Sheets</i>
L 7030 & T 738	1 : 50 000	101 (100%)
L 8028 & T835	1 : 25 000	99 (100%)
L 905, T931 & L808	1 : 3 000 – 1 : 12 500	11 (100%)
Pulau Labuan	1 : 1 250	12 (100%)
Migrasi Data ke Pangkalan Data Gothic <i>Migration of Data to Gothic Data Base</i>	1 : 25 000	253 (278%)
Migrasi Data ke Pangkalan Data Gothic <i>Migration of Data to Gothic Data Base</i>	1 : 5 000	12 (133%)

KEMAJUAN PENCETAKAN BAHAN CETAK BERDIGIT <i>Digital Print Production Progress</i>		
Siri <i>Series</i>	Skala <i>Scale</i>	Jumlah Lembar <i>Total Sheets</i>
L 7030	1 : 50 000	-
T 738	1 : 50 000	70 (107%)
L 8028	1 : 25 000	43 (22%)
L 905, L 808 & T 931	1 : 3 000 – 1 : 12 500	63 (252%)

PENYEDIAAN PETA ASAS & PELBAGAI KERJA BUKAN PETA <i>Production of Basic Maps and Miscellaneous</i>	
Jenis <i>Types</i>	Kuantiti <i>Quantity</i>
Penyediaan Peta Topografi Pelbagai Siri <i>Production Topographic Maps of Various Scales</i>	117 (106%)
Penyediaan Peta Tematik <i>Production of Thematic Maps</i>	38 (90%)
Penerbitan Peta Elektronik (e-Map) <i>Publication of Electronic Maps (e-Map)</i>	19 (106%)

KEMAJUAN PERCETAKAN PETA & PELBAGAI KERJA BUKAN PETA <i>Production of Basic Maps and Miscellaneous Jobs</i>	
Jenis <i>Types</i>	Kuantiti <i>Quantity</i>
Peta (Topografi & Tematik) <i>Maps (Topography & Thematic)</i>	272 (113%)
Pelbagai Kerja Bukan Peta <i>Miscellaneous Jobs</i>	181 (91%)

KEMAJUAN KERJA-KERJA FOTOMEKANIK <i>Progress of Photo-Mechanical Jobs</i>	
Jenis <i>Types</i>	Keping <i>Sheets</i>
Reka bentuk (DTP) <i>Design (DTP)</i>	196 (98%)
Kamer <i>Camera</i>	67 (67%)
Lekap <i>Contacts</i>	142 (142%)
Pruf dan Plat <i>Proof and Plate</i>	2,530 (114%)
Jilid (Naskhah) <i>Binding (Manuscript)</i>	165,721 (221%)





PERPUSTAKAAN PETA NEGARA *National Map Library*

Perpustakaan Peta Negara menyediakan sumber rujukan dalam disiplin ukur dan pemetaan kepada pegawai dan kakitangan. Perpustakaan menyediakan bahan melalui koleksi buku dan jurnal teknikal di samping premis penyimpanan dan rujukan pelbagai bahan pemetaan terbitan dan keluaran JUPEM seperti peta, foto udara dan bahan cetak. Lanya juga membekalkan foto udara dalam bentuk cetak lekap, mozek, diapositif dan pembesaran kepada pelanggan, khususnya Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia, jabatan kerajaan dan pihak swasta.

